

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya :
 "Daripada Abi Hurairah Radiallahuanhu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam
 bersabda : Ada tujuh golongan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu
 Wata'ala di dalam naungannya iaitu pada hari tiada naungan lagi
 melainkan naungan yang dimiliki oleh Allah pada hari kiamat, mereka itu
 ialah imam yang adil, pemuda yang hidup sejak kecil sehingga matinya
 sentiasa beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala".
 (Hadis Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.45 | SUBUH 4.55 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.28 | ASAR 3.48 | MAGHRIB 6.37 | ISYAK 7.50
 Daerah Belait ditambah 3 minit
 Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 91 | 1 OGOS 2026 / 1448 صفر 17 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

Berita Utama

MAJLIS RAMAH MESRA CERMINKAN KASIH, KESETIAAN RAKYAT KEPADA RAJA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit (Lihat muka 3 hingga 5)

Berkenan hantar titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Perdana Menteri Jepun, Puan Yang Terutama Sanae Takaichi,

kerajaan dan rakyat Jepun berikutan dengan gempa bumi yang melanda di Wilayah Kumamoto, Jepun baru-baru ini yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

Program memperkukuh, perkasa, pertukaran budaya, perdagangan NBD, Sarawak

BERAKAS, Jumaat, 31 Julai. - Program Citarasa & Tautan Budaya Brunei-Sarawak 2026 adalah merupakan salah satu platform penting melalui kerjasama erat antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Sarawak dalam usaha memperkukuh

hubungan kekeluargaan, persahabatan, memperkasa dengan pertukaran budaya serta dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Program tahun ini telah meningkat sebanyak 116 pengusaha berbanding hanya

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

39 pengusaha pada tahun lalu. Peningkatan tersebut membuktikan keyakinan komuniti perniagaan terhadap program ini sebagai platform membuka peluang pasaran baharu dengan mengukuhkan kerjasama ekonomi antara dua negara.

>> Muka 10



KERJASAMA serantau penting tangani jenayah kewangan

Muka 12



MEMPERKUKUH pertukaran pendidikan, sinergi latihan vokasional, transformasi digital

Muka 13



TINGKATKAN kepekaan, kesedaran, kefahaman kepentingan bahasa Melayu

Muka 17



INFO Teknologi

PERANTI penyimpanan : Pilihan di antara kelajuan dan kapasiti

Muka 27



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Pelancaran Pameran Lukisan The Impressionist Landscape pada Isnin, 27 Julai 2026 bertempat di Dewan Plenary, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim.

SAYA berbesar hati mengalu-alukan kedatangan awda ke 'The Impressionist Landscape Art and Immersive

Seni tradisional, digital berganding memacu inovasi kreatif berterusan

Exhibition', pameran budaya yang penting untuk Negara Brunei Darussalam (NBD). Penting kerana hari ini, dalam era digital, hampir semua imej boleh dipaparkan pada skrin dalam beberapa saat. AI memainkan peranannya lebih jauh. Imej boleh dijana hanya daripada beberapa perkataan. Dalam konteks ini, pengalaman untuk melihat karya seni dalam bentuk asalnya begitu menarik. Melihat permukaan dan warna dari dekat mengingatkan kita bahawa karya ini sebenarnya dicipta oleh manusia, diilhamkan daripada tempat sebenar.

Namun meraikan lukisan tradisional tidak menjejaskan bentuk kreativiti yang lebih baru. Kita tidak seharusnya menganggap fizikal dan digital sebagai berasingan, tetapi sebaliknya. Malah, kedua-duanya boleh saling melengkapi, seperti yang ditunjukkan oleh galeri yang menarik ini. 'The Impressionists' mencabar konvensyen dan bereksperimen dengan teknik baharu. Artis hari ini meneruskan tradisi turun-temurun yang kerap mencuba kaedah baharu. Alat mungkin telah berubah, tetapi keinginan untuk berinovasi secara berterusan masih dikekalkan. Kepentingan majlis ini juga berhubung dengan Negara Brunei itu sendiri. Buat kali kedua dalam beberapa tahun ini, kita menganjurkan pameran berkepentingan antarabangsa yang menunjukkan bahawa NBD adalah tempat di mana seni bertaraf dunia boleh dihargai dan diraikan.

SAMBIL kita melihat ke hadapan untuk Tahun Melawat Brunei 2027, mengetengahkan pameran seperti ini mempamerkan sisi lain negara kita. Mereka menjemput pelawat untuk mengalami bukan sahaja keindahan semula jadi dan layanan mesra, tetapi juga kekayaan landskap budaya dan kreatif kita. Budaya adalah salah satu cara negara mengukuhkan persahabatan, memupuk persefahaman, dan berkongsi kisah mereka antara satu sama lain. Jadi saya amat berbangga melihat hasil kerja pencerita Brunei di sini hari ini. Kehadiran mereka mencerminkan perkembangan luar biasa komuniti kreatif kita sendiri. NBD bukan sahaja sebuah negara yang mempamerkan seni yang hebat. Ia adalah negara yang menciptanya. Itu adalah salah satu faedah yang berkekalan untuk membawa karya sedemikian kepada khalayak baharu.

Sambil kita melihat ke hadapan untuk Tahun Melawat Brunei 2027, mengetengahkan pameran seperti ini mempamerkan sisi lain negara kita. Mereka menjemput pelawat untuk mengalami bukan sahaja keindahan semula jadi dan layanan mesra, tetapi juga kekayaan landskap budaya dan kreatif kita. Budaya adalah salah satu cara negara mengukuhkan persahabatan, memupuk persefahaman, dan berkongsi kisah mereka antara satu sama lain. Jadi saya amat berbangga melihat hasil kerja pencerita Brunei di sini hari ini. Kehadiran mereka mencerminkan perkembangan luar biasa komuniti kreatif kita sendiri. NBD bukan sahaja sebuah negara yang mempamerkan seni yang hebat. Ia adalah negara yang menciptanya. Itu adalah salah satu

faedah yang berkekalan untuk membawa karya sedemikian kepada khalayak baharu. Di suatu tempat di kalangan pelawat, seseorang mungkin menemui kecintaan seni sepanjang hayat. Salah seorang artis Brunei kita sendiri mungkin mendapat inspirasi baharu. Bakat generasi akan datang juga boleh memulakan perjalanan mereka di sini. Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan kongsi kita, termasuk Sotheby's London dan Runa Studios Brunei, yang sokongan mereka telah membantu menjayakan pameran ini.

Oleh itu, saya amat berbesar hati untuk merasmikan pameran ini.
Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	SABTU	17	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.37	7.50
2	AHAD	18	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49
3	ISNIN	19	4.45	4.55	6.17	6.40	12.28	3.48	6.36	7.49
4	SELASA	20	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.49
5	RABU	21	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.47	6.36	7.48
6	KHAMIS	22	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.36	7.48
7	JUMAAT	23	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.48

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
34 26 °C	33 26 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	33 25 °C	32 24 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C	32 25 °C	32 24 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

1 OGOS 2026

Sihir menghancurkan iman, merosakkan akidah

DALAM arus kemajuan dan perubahan zaman ini, masih ada dalam kalangan masyarakat kita yang mempercayai dan mengamalkan sihir. Walaupun dunia bergerak ke hadapan dengan ilmu dan teknologi, ada segelintir golongan yang masih terperangkap dalam kepercayaan karut yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam.

Sihir yang sepatutnya ditolak dan dijauhi, telah dijadikan sebagai jalan pintas untuk memenuhi hasrat duniawi hingga sanggup membelakangkan dosa dan pahala, bahkan tidak lagi mempedulikan batas halal dan haram. Antara punca utama seseorang terjerumus dalam amalan sihir ialah apabila berdepan dengan pelbagai tekanan seperti kesempitan hidup, masalah rumah tangga atau persaingan dalam kerjaya dan perniagaan untuk mencari penyelesaian.

Lebih menyedihkan lagi, ada segelintir manusia yang sanggup menggunakan khidmat bomoh untuk melakukan amalan sihir atau ilmu hitam kerana hasad dengki, cemburu, sakit hati serta tamak terhadap harta dan kuasa. Perbuatan tersebut dilakukan tanpa mempedulikan pertalian darah, ikatan kekeluargaan atau persahabatan yang telah terjalin. Apabila hati telah dikuasai oleh hawa nafsu dan dendam, manusia hilang pertimbangan sehingga *tasurung* atau tergamak menyakitkan insan lain tanpa sedikit pun rasa bersalah.

Akibatnya, berlaku pelbagai musibah seperti penyakit misteri yang sukar dijelaskan secara perubatan moden, keruntuhan rumah tangga, permusuhan antara adik-beradik dan saudara-mara, malah ada yang berakhir dengan kehilangan nyawa.

Dalam menghadapi ancaman sihir dan gangguan makhluk halus, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajarkan kepada umatnya beberapa amalan pelindung yang dapat menjaga diri dan keluarga daripada gangguan syaitan serta bahaya sihir. Antara amalan pelindung yang diajarkan Baginda ialah membaca Ayat Kursi sebelum tidur. Ini adalah amalan ringkas tetapi sangat besar kelebihannya dalam memelihara dan menjaga diri sepanjang malam.

Di samping itu, membaca Surah Al-Ikhlas, Surah Al-Falaq dan Surah An-Nas iaitu surah-surah perlindungan untuk diamalkan pada setiap pagi dan petang sebagai benteng diri yang bukan sahaja melindungi daripada sihir tetapi juga daripada apa jua musibah yang tidak kelihatan oleh mata kasar. Selain itu, mengamalkan zikir sebagai pelindung diri. Zikir merupakan perisai hati dan jiwa. Ia adalah benteng yang mampu melindungi daripada sihir, racun dan musibah yang tidak disangka-sangka.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa menyedari bahawa sihir bukanlah jalan penyesalan tetapi ia adalah jalan yang menghancurkan iman dan merosakkan akidah. Jangan kerana ingin mencari jalan pintas, kita sanggup mempertaruhkan akhirat yang kekal abadi. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Majlis Ramah Mesra cerminkan kasih, kesetiaan rakyat kepada raja



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para peserta persembahan (atas dan atas kanan). Sementara gambar kanan, baginda dan kerabat diraja dijunjung bergambar ramai. Manakala gambar bawah, para pelajar yang hadir mengibarkan bendera negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara (atas, kiri dan bawah kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Julai. - Kemeriahan dan semangat muhibah mewarnai suasana ibu negara pagi ini dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80

bagi Tahun 2026.

Majlis tersebut merupakan wadah yang dinanti-nantikan oleh rakyat dan penduduk daripada pelbagai lapisan masyarakat setiap tahun untuk menjunjung kasih serta beramah mesra dengan raja yang dicintai, selain memperkukuhkan lagi hubungan erat yang sekian lama terjalin antara raja dan rakyat.

Majlis berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin

Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 bagi Tahun 2026; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 bagi Tahun 2026; dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

>> Muka 4





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

>> Muka 3

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal

Luar Negeri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Sejurus keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Allah Peliharakan Sultan, diperdengarkan, diikuti dengan Persembahan Khas bertemakan 'Menjunjung Raja Tampuk Negara' yang mengetengahkan

konsep pop tradisional.

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja kemudian berkenan dijunjung berangkat ke pentas Persembahan Khas untuk sesi bergambar ramai serta beramah mesra bersama para peserta.

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja seterusnya berkenan berangkat bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara.

Berangkat mengiringi Kebawah

DYMM ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

Majlis ramah mesra berkenaan disertai oleh jawatankuasa-jawatankuasa perayaan antaranya terdiri daripada Majlis Wanita Brunei; Kejohanan Silat Cekak Asli Melayu dan Pencak Silat Melayu; Perlawanan Tarik Kalat; Perlawanan Futsal; Perlawanan Sepak Takraw dan Majlis Belia Brunei.

>> Muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah (atas), manakala gambar atas kanan, kanan dan bawah, sekitar keberangkatan baginda pada majlis berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Pegawai Daerah Brunei dan Muara (kiri), manakala gambar atas dan bawah kanan, baginda dan kerabat diraja berangkat ke Majlis Santap di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

>> Muka 4

Juga menyertai, Aftercare Support Association (AFSA); Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Pertubuhan WARGAMAS; Majlis Perniagaan Wanita; Persatuan BASMIDA; Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei; Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB); Dewan Perniagaan India; Pasukan Radio Amatir Negara Brunei Darussalam; Royal Brunei Airlines

(RB); BIMP-EAGA / BRUDIFA; POLSARA; Dynamik Technologies; Pasukan Veteran Perwira ABDB; Brunei Shell Marketing (BSM); Perbadanan TAIB; CFBT; Persatuan Bank-bank; Darussalam Assets Group of Companies; Baiduri Bank Sdn. Bhd.; Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd.; Infocom Federation; Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam; Masyarakat Tiong Hua; Penuntut Seberang Laut; Institusi Pengajian Tinggi; Persatuan BERSATU; Pasukan Sekuriti Gurkha (PSG);

Persekutuan Peniaga-Peniaga Melayu Brunei; Pengawasan Kejurangan dan Hengyi Industries Sdn. Bhd.

Kemudian Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Santap di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bagi memberkati majlis tersebut, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei

dan Muara, Pengiran Dr. Haji Badaruddin bin Pengiran Abdul Rahman.

Pada majlis itu, Kebawah DYMM juga berkenan memotong Kek Hari Keputeraan yang disebarkan khas sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80.

Sebelum berangkat balik meninggalkan Dewan Persantapan Dewan Utama, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung

ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan jemputan-jemputan khas.

Turut berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja berkenan beramah mesra pada majlis berkenaan (kiri dan atas kiri sekali). Sementara gambar kiri sekali, baginda berkenan menandatangani potret.

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (bawah tengah), sementara gambar bawah kanan, majlis turut diisi dengan persembahan muzik.

DOA Selamat dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Dr. Haji Badaruddin bin Pengiran Abdul Rahman (bawah).



PERSEMBAHAN KHAS SEMAI NILAI KEBERSAMAAN, MENJUNJUNG KEDAULATAN RAJA

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Julai. - Keindahan budaya dan keunikan tradisi menyerikan lagi Persembahan Khas pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara, di samping mengukuhkan ikatan kasih serta taat setia rakyat terhadap raja sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Persembahan Khas dengan tema 'Menjunjung Raja Tampuk Negara' pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk bagi Daerah Brunei dan Muara berkenaan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara, hari ini.

Persembahan Khas dengan tema 'Menjunjung Raja Tampuk Negara' menampilkan format persembahan yang membawa konsep pop tradisional dan mengandungi tiga segmen. Dengan tema kecil ini memberikan gambaran rasa menjunjung kasih dan taat setia rakyat kepada raja, juga menggambarkan perpaduan rakyat berbilang bangsa dan kaum meraikan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun.

Format persembahan ini dibuat secara berperingkat dengan dimulai dengan salam pembukaan tarian berdatang sembah, diikuti dengan elemen kepelbagaian budaya, kehidupan masyarakat serta keterangkuman. Setiap segmen saling berkait dan membawa maksud raja adalah tunjang perpaduan dan kemakmuran negara.

Persembahan ini melibatkan penuntut - penuntut dari sekolah-sekolah menengah dan Belia-belie Brunei serta Orang Kelainan Upaya (OKU).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Khas dengan tema 'Menjunjung Raja Tampuk Negara'.

Manakala, durasi persembahan adalah selama 18 minit ke 21 minit.

Persembahan ini juga menggunakan *live music* diiringi oleh Phuturephase Cultural Group Orkestra Brunei Youth Symphony yang mengetengahkan belia-belie yang aktif berkecimpung dalam bidang musik dan artis-artis yang sudah mencipta nama dalam industri seni.

Seramai 259 penuntut dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sekolah Tinggi Perempuan Raja

Isteri, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Sekolah Menengah Menglait menyertai persembahan itu yang dibahagikan kepada tiga segmen.

>> Muka 7



PERSEMBAHAN Khas dengan tema 'Menjunjung Raja Tampuk Negara' menampilkan format persembahan yang membawa konsep pop tradisional dan mengandungi tiga segmen (gambar-gambar atas dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para peserta persembahan.

>> Muka 6

Dalam segmen pertama, iaitu berdatang sembah menggambarkan budaya Melayu dan merafak sembah menjunjung kasih rakyat kepada raja yang dikasihi di atas keberangkatan baginda bercemar duli bersama rakyat bagi penduduk Daerah Brunei dan Muara. Persembahan ini dimulakan dengan pembawaan tipa yang bergerak secara tertib dan penuh kesopanan melambangkan rasa hormat yang setinggi-tinggi di atas keberangkatan raja yang dikasihi.

Bagi segmen kedua, menggabungkan elemen

tradisional etnik dan kehidupan masyarakat yang tinggal di darat dan kehidupan di Kampong Ayer yang menggambarkan keharmonian kehidupan masyarakat yang menetap di kawasan Kampong Ayer dan darat, walaupun berbeza cara hidup dan sumber rezeki, mereka saling melengkapi dalam membina sebuah masyarakat yang aman, bersatu dan saling menghormati.

Sementara itu, segmen ketiga pula Persembahan Khas dari OKU sebagai lambang bahawa setiap individu mempunyai bakat dan kemahuan untuk sama-sama meraikan Hari Keputeraan baginda. Segmen ini juga menjadi

simbol perpaduan dan penghargaan terhadap OKU bagi melahirkan nilai kasih sayang dalam menjunjung kedaulatan raja.

Manakala *grand finale* iaitu kemuncak persembahan turut menggabungkan kesemua peserta yang terlibat dan menggabungkan tiga genre irama yang berbeza yang dimulai dengan rentak tradisional dan kontemporari. Persembahan ini melahirkan rasa kesyukuran, memberikan gambaran kegembiraan rakyat dalam menyambut hari keputeraan raja yang dikasihi. Lagu ciptaan yang dinyanyikan oleh penyanyi Brunei yang sudah mencipta nama.



ANTARA yang menyertai Persembahan Khas (atas, kiri, kiri sekali, bawah tengah dan bawah kanan).

SEBAHAGIAN yang hadir menyaksikan persembahan (bawah kiri sekali).



BERKENAN MERASMIKAN PESTA KONVO UBD 2026



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit,
Mohammad Hasif Matzin



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan perasmian Pesta Konvo UBD 2026 (atas sekali dan atas).

TUNGKU LINK, Khamis, 30 Julai.

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat bagi merasmikan Pesta Konvo UBD 2026 menandakan bermulanya sambutan sempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-38, pagi tadi.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah di Inspiring Hub UBD, di sini, dijunjung oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus selaku Timbalan Pengerusi Majlis UBD dan Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal serta Naib Canselor UBD, Dr. Hazri Haji Kifle.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota kemudiannya berkenan mengisytiharkan pembukaan rasmi Pesta Konvo tahun ini. Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan merasmikan Pameran Khas yang menampilkan dua inisiatif terkini UBD iaitu Nexus for Architecture, Data and Intelligence (NADI) dan UBD Campus Greening Roadmap 2025 - 2030.

Dengan membawakan tema 'Ideas to Impact', Pesta Konvo 2026 menampilkan pameran khas yang mempamerkan usaha UBD dalam memajukan transformasi digital, inovasi dan keusahawanan ke arah masyarakat yang bersedia menghadapi masa depan.

DYTM kemudian dipersembahkan dengan Persembahan Khas bertajuk 'Harmony Beyond Horizons :

Tradition Meets Innovation' oleh gabungan Ahli Varsity Gulintangan Orchestra Club, UBD Phonemic Club dan UBD Choir Club terdiri daripada 39 pelajar, termasuk beberapa bakal graduan tahun ini.

Persembahan Orkestra dan koir tersebut mencerminkan semangat transformasi digital dan inovasi ke arah masyarakat yang bersedia menghadapi masa depan, sekali gus membuktikan bahawa kemajuan lebih bermakna apabila berasaskan kekuatan warisan budaya serta mewujudkan keharmonian antara tradisi dan kemodenan.

Medley orkestra yang diatur khas menampilkan tiga lagu klasik Nusantara yang terkenal dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Indonesia iaitu 'Adai-Adai', 'Gurindam Jiwa' dan 'Pamer Bojo'. Bunyi unik Gulintangan dipadukan dengan instrumen orkestra moden, manakala koir menambah penghayatan kepada persembahan muzik yang menghubungkan generasi, budaya dan idea.

DYTM kemudiannya berkenan melawat kafeteria yang telah dinaik taraf dikenali sebagai 'Joompa' serta berkenan menandatangani plak peringatan.

Nama 'Joompa' diambil daripada perkataan Melayu 'Jumpa' (*meet*), yang melambangkan ruang sosial untuk pelajar berhubung, berkumpul dan mencipta kenangan sepanjang kehidupan kampus.

Ruang yang berorientasikan pelajar ini direka bagi mewujudkan suasana yang selesa, mesra dan inklusif, dikelilingi persekitaran semula jadi dengan pencahayaan serta

pemandangan terbuka. Selain menjadi tempat menikmati makanan dan minuman, ia turut menyediakan ruang untuk belajar dan mengadakan persembahan.

Seterusnya, DYTM berkenan mengadakan lawatan ke Centre for University Life and Wellness (UniHEALTH).

Pada lawatan tersebut, Pengarah UniHEALTH, Dr. Deeni Rudita Idris menyampaikan taklimat mengenai fungsi pusat tersebut serta perkhidmatan yang disediakan kepada warga kampus.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Healthy University UBD, pusat ini menyokong kesejahteraan menyeluruh melalui inisiatif kesihatan mental, penjagaan pencegahan dan kesejahteraan fizikal.

DYTM kemudian meneruskan lawatan ke UBD Central yang telah dinaik taraf, berfungsi sebagai pusat sehati bagi komuniti UBD, menyediakan pelbagai perkhidmatan pentadbiran dan sokongan kepada pelajar, termasuk urusan kemasukan prasiswazah dan pascasiswazah, biasiswa, pendaftaran dan peperiksaan, pentadbiran Discovery Year serta perkhidmatan berkaitan visa untuk pelajar antarabangsa. Perkhidmatan visa turut disediakan kepada kakitangan antarabangsa.

Taklimat mengenai pusat berkenaan disampaikan oleh Pegawai Eksekutif (Unit Discovery Year), Dayangku Hajah Amey Marlina binti Pengiran Haji Metassan.

DYTM kemudian dijunjung bagi sesi bergambar ramai dan seterusnya berkenaan menerima pesambah yang direka dan dihasilkan oleh Dayang Nurul Amalina binti Mohd. Aslam

daripada Program Design and Creative Industry (DCI), Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS).

Reka bentuk bertajuk 'Titisan Bestari' itu mendapat inspirasi daripada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 6 : Air Bersih dan Sanitasi.

Menggabungkan elemen kelestarian, pendidikan dan warisan budaya Negara Brunei Darussalam, pesambah tersebut membawa mesej mengenai kepentingan memelihara sumber air demi kesejahteraan masyarakat dan pembangunan mampan negara. Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM dijunjung bagi Majlis Santap.

Pesta Konvo diadakan setiap tahun sebagai acara menjelang Majlis Konvokesyen bagi meraikan kejayaan graduan UBD serta mempamerkan idea dan hasil ciptaan pelajar semasa dan bakal graduan.

Sebagai persediaan menjelang Majlis Konvokesyen, Majlis Doa Kesyukuran dan Khatam Al-Quran akan diadakan pada 3 Ogos bagi mendoakan keberkatan serta kejayaan para graduan dalam usaha mereka pada masa hadapan.

Majlis Konvokesyen Ke-38 dijadualkan berlangsung pada 11 Ogos di Dewan Canselor UBD. Acara lain yang diadakan bersempena Majlis Konvokesyen termasuk The Next Day yang bermula pada 12 Ogos serta Majlis Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku UBD pada 13 Ogos.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini mengenai acara-acara sempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-38, layari ubd.edu.bn atau ikuti @ubd_brunei di Instagram.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan dijunjung bagi Majlis Santap dan bergambar ramai (kanan dan kanan sekali).



PAMERAN KETENGGAHKAN INOVASI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP, KESEJAHTERAAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam dijunjung menyaksikan petak pameran yang dikenali dengan nama projek 'BreSih' dan dijunjung menyaksikan petak pameran New Wave Films BN (kiri dan kanan).

TUNGKU LINK, Khamis, 30 Julai.
- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan menyaksikan Pameran Projek UBD bersempena Majlis Konvokesyen UBD Ke-38 bertempat di Inspiring Hub, UBD, pagi tadi.

Di ruang pameran, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah mula-mula dijunjung menyaksikan petak pameran yang mengetengahkan kurikulum baharu UBD iaitu GenBESTARI.

Ia merupakan sebuah struktur Ijazah Sarjana Muda yang baharu telah direka bentuk untuk menyediakan pelajar menghadapi dunia yang berubah pantas yang dibentuk oleh pendigitalan, keperluan kemahiran yang muncul dan jangkaan graduan universiti yang berkembang.

Di bawah GenBESTARI, program-program sarjana muda tersedia dalam tempoh pengajian selama tiga tahun sambil mengekalkan kedalaman, keluasan dan ketegasan akademik melalui modul teras baharu dan laluan pembelajaran berstruktur. Discovery Year kekal sebagai sebahagian daripada pengalaman pembelajaran, mencerminkan penekanan

berterusan UBD pada pembelajaran berasaskan pengalaman.

Kurikulum ini bertujuan untuk memupuk graduan yang seimbang dan individu holistik, pemimpin beretika, pemikir lestari, pengamal transdisiplin, pelajar sepanjang hayat yang mudah menyesuaikan diri dan berdaya tahan, warga global yang bertanggungjawab serta penyelesaian masalah yang inovatif.

GenBESTARI diperkukuh lagi melalui 'Pamor' dan 'Citra' iaitu aktiviti teras wajib yang membina kompetensi asas pelajar dalam aspek kesihatan, kerohanian, ilmu pengetahuan dan kepimpinan, di samping menyediakan peluang bagi pelajar untuk meneroka minat, kreativiti serta pembangunan profesional.

Seterusnya, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyaksikan petak pameran yang menyerlahkan dua inisiatif terkini UBD iaitu Nexus for Architecture, Data and Intelligence (NADI) dan UBD Campus Greening Roadmap 2025-2030 di mana kedua-dua inisiatif ini turut dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia.

NADI merupakan sistem bersepadu pusat (*central unified system*) UBD yang direka bentuk untuk menyelaraskan sistem institusi sedia ada di bawah satu platform pintar. Ia berfungsi sebagai tulang belakang operasi universiti dengan menggabungkan sistem akademik, pentadbiran dan operasi ke dalam satu ekosistem

digital yang padu.

Dikuasakan oleh Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI) dan Pembelajaran Mesin (Machine Learning), NADI membolehkan pembuatan keputusan yang lebih bijak, melancarkan proses di seluruh universiti serta memberikan pengalaman yang lebih lancar dan bersepadu kepada pelajar, tenaga pengajar, pihak pengurusan dan kakitangan.

Ia merupakan langkah penting dalam perjalanan transformasi digital UBD. Dengan menyatukan data, sistem dan proses, ia memperkukuh penyelarasan institusi, meningkatkan kecekapan operasi serta menyokong persekitaran universiti yang lebih saling berhubung dan pintar.

Sementara itu, dalam petak Pameran UBD Campus Greening Roadmap 2025-2030 mengetengahkan visi UBD untuk mewujudkan sebuah University in the Heart of a Living Forest.

Sebagai program utama di bawah Pelan Induk Kelestarian UBD (UBD Sustainability Masterplan), peta hala tuju ini memberi tumpuan kepada usaha memulihkan, melindungi dan mempertingkatkan ekosistem semula jadi serta kawasan hijau di kampus.

Ia menggalakkan penanaman dan pengurusan spesies pokok serta tumbuhan tempatan melalui pendekatan berasaskan sains. Inisiatif ini memperkukuh peranan UBD sebagai *living laboratory*, di samping menyokong pemuliharaan biodiversiti, pendidikan alam sekitar dan daya tahan iklim.

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hasif Matzin, Nurdiyanah Rajami

Dalam pada itu, peta hala tuju ini juga mencerminkan komitmen universiti terhadap penjagaan alam sekitar, perlindungan biodiversiti dan pembelajaran yang berteraskan kelestarian untuk warga kampus secara menyeluruh. Di samping itu, inisiatif ini menyumbang kepada pembentukan kampus UBD yang lebih hijau dan lestari.

DYTM seterusnya dijunjung menyaksikan petak pameran yang menampilkan satu inovasi yang dibangunkan berdasarkan reka bentuk terdahulu yang telah dipatenkan yang dikenali dengan nama projek 'BreSih'.

'BreSih' merupakan sebuah projek inovasi penjagaan kesihatan antara disiplin yang merintis usaha meletakkan maruah insan sebagai teras dalam reka bentuk teknologi penjagaan bantuan kesihatan. Ia direka sebagai sistem penjagaan kebersihan dan pengurusan *inflatable, lightweight* serta praktikal yang menggabungkan fungsi bekalan air dan saluran ke dalam satu penyelesaian bersepadu. Reka bentuknya yang mudah alih dan mesra pengguna menjadikannya sesuai untuk digunakan di hospital, pusat pemulihan dan persekitaran penjagaan di rumah.

'BreSih' turut memperlihatkan bagaimana ilmu kejururawatan dapat diterjemahkan menjadi inovasi penjagaan kesihatan yang bermakna melalui gabungan kepakaran klinikal, penyelidikan, kepimpinan dan

keusahawanan.

Projek ini bermatlamat untuk meningkatkan maruah, keupayaan berdikari dan kesejahteraan, di samping menyokong penambahbaikan dalam penyampaian penjagaan kesihatan serta kualiti hidup bagi pesakit mahupun penjaga mereka.

Seterusnya, DYTM dijunjung menyaksikan petak pameran terakhir yang menampilkan New Wave Films BN iaitu sebuah syarikat pembikinan filem tempatan.

Alumni UBD, Syafi Halim, mengasaskan kolektif pembikinan filem tempatan ini bagi mempamerkan karya kreatif yang mengetengahkan budaya, masyarakat, identiti dan alam sekitar NBD. Antara yang turut ditayangkan di petak pameran berkenaan ialah *trailer* serta klip sorotan daripada empat karya yang telah siap dihasilkan iaitu Ekosistem Rasa, Kampung Buah, Wujud dan The Invisible Catch.

Melalui dokumentari, animasi, dan penceritaan visual, New Wave Films BN memperlihatkan peranan industri kreatif dalam memelihara naratif budaya, meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu sosial dan alam sekitar serta membawa kisah-kisah NBD kepada khalayak yang lebih luas.

Pameran Projek UBD bersempena Pesta Konvo UBD ini jelas menyerlahkan lagi bagaimana kakitangan dan mahasiswa dan mahasiswi UBD bekerjasama untuk menjadikan idea dan penyelidikan sebagai impak yang ketara, memacu inovasi untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan, menjana nilai ekonomi dan sosial serta membina masa depan yang lebih pintar, lebih mampan dan berdaya tahan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan beramah mesra dan seterusnya menyaksikan Persembahan Orkestra (kiri sekali dan kiri).

PROGRAM MEMPERKUKUH, PERKASA, PERTUKARAN BUDAYA, PERDAGANGAN NBD, SARAWAK

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Perkara ini telah dijelaskan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam ucapan pelancarannya pada Majlis Perasmian Citarasa & Tautan Budaya Brunei-Sarawak 2026 yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jalan Lapangan Terbang Lama, hari ini.

Yang Berhormat seterusnya menambah perkembangan ini selari dengan prestasi hubungan perdagangan antara NBD dan Sarawak yang terus menunjukkan momentum positif dan potensi besar kerjasama ekonomi yang boleh terus diperkasakan melalui perdagangan, pelaburan dan pembangunan perusahaan tempatan.

Program hari ini, kongsi Yang Berhormat, merupakan kesinambungan kepada penyertaan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI) dan syarikat tempatan dalam Borneo International Halal Showcase yang baharu berlangsung di Sarawak.

"Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan dalam membantu Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan memperluaskan pasaran eksport, meningkatkan daya saing serta menembusi pasaran serantau, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi negara," terang Yang Berhormat.

Ujar Yang Berhormat lagi, kedudukan geografi Sarawak dan NBD merupakan satu kelebihan strategik. Dengan memanfaatkannya secara optimum, Yang Berhormat yakin kita mampu membangunkan ekosistem kerjasama rentas sempadan yang lebih dinamik dan saling menguntungkan demi kemakmuran bersama.

Berkait dengan sektor agrikultur dan agenda sekuriti makanan, Yang Berhormat melihat

terdapat potensi yang amat besar untuk memperkukuhkan kerjasama pelaburan dalam pelbagai industri, antaranya komoditi tanaman (padi) ternakan (seperti penternakan lembu) dan kelapa sawit yang kukuh serta mampan.

Pendekatan ini, jelas Yang Berhormat, bukan sahaja berpotensi mewujudkan rantaian nilai industri yang lebih bersepadu antara Sarawak dan NBD, malah mampu meningkatkan nilai tambah kepada dua ekonomi dengan membuka peluang pekerjaan dengan menggalakkan pemindahan teknologi serta memperkukuh sekuriti makanan.

Dalam masa yang sama, turut dapat mengurangkan kebergantungan kepada import produk makanan bagi kedua-dua negara dan di samping mewujudkan asas yang lebih kukuh untuk menembusi pasaran eksport serantau dan antarabangsa. Jelas Yang Berhormat lagi, gabungan strategik ini juga berpotensi membangunkan rantaian bekalan makanan rentas sempadan melalui pengeluaran komersial serta penggunaan teknologi pertanian moden seperti *precision agriculture*, dron dan Internet of Things (IoT).

"Dalam sektor pelancongan pula, *Joint-Promotion* bagi kedua-dua destinasi perlu terus diperkukuhkan lagi kerana sektor ini merupakan antara pemacu penting pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam menjaga pendapatan kepada PMKS, industri, hospitaliti, pengangkutan, makanan dan minuman serta



ekonomi komuniti.

"Ini termasuklah mempertingkatkan usaha dalam pembangunan pakej pelancongan rentas sempadan yang bersepadu dan saling melengkapi," terang Yang Berhormat.

Pendekatan ini, tambah Yang Berhormat, akan memperkukuh daya tarikan kedua-dua destinasi sebagai destinasi berkembar (*twin-destination*), khususnya bagi pelawat daripada pasaran jarak jauh.

Yang Berhormat seterusnya berkata, melalui kolaborasi strategik ini, kedua-dua pihak bukan sahaja meningkatkan aliran pelancongan dan tempoh penginapan dengan memperluaskan limpahan manfaat ekonomi kepada perusahaan tempatan, penyedia perkhidmatan pelancongan, penggiat seni budaya dan komuniti di kedua-dua belah sempadan.

Program Citarasa & Tautan Budaya Sarawak-Brunei 2026 kembali untuk Edisi Kedua dengan skala yang lebih besar, lebih meriah dan lebih menarik dalam merayakan kekayaan warisan kulinari, kraf

tangan dan budaya Sarawak serta NBD.

Program ini merupakan anjuran Sarawak Trade and Tourism Office Brunei (STATOB) dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B', susulan kejayaan penganjuran edisi sulung yang telah mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat kedua-dua wilayah.

Edisi kali ini menampilkan penyertaan yang lebih ramai melibatkan usahawan, pempamer dan komuniti budaya dari Sarawak, NBD dan 1 Kampung 1 Produk (1K1P - NBD).

Program ini juga adalah bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026.

Program ini menghimpunkan kepelbagaian cita rasa, tradisi dan warisan budaya kedua-dua wilayah dalam suasana yang meriah bagi

merayakan perpaduan, persahabatan dan kerjasama serantau.

Pelbagai pengalaman menarik termasuk pameran makanan autentik, pameran kraf tangan tradisional dan kontemporari, demonstrasi masakan secara langsung, persembahan kebudayaan serta pelbagai aktiviti interaktif untuk seisi keluarga.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar II dan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak, Yang Berhormat Dato Paduka Seri Laila Jasa Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan.

Juga hadir, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab dan Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Habibollah dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan.

MoU terokai kerjasama perkhidmatan digital, pembangunan perniagaan serantau

Siaran Akhbar dan Foto : Dynamik Technologies Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 31 Julai. - Dynamik Technologies Sdn. Bhd. dan irix Sdn. Bhd. telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi meneroka kerjasama dalam perkhidmatan digital dan pembangunan perniagaan serantau.

MoU tersebut telah dimeterai melalui pertukaran dokumen semasa pelancaran Program Citarasa & Tautan Budaya Sarawak - Brunei 2026 yang berlangsung di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Majlis dihadiri oleh Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar II dan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak, Yang Berhormat Dato Paduka Seri Laila Jasa Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan.

Turut hadir selaku tetamu

kehormat ialah Menteri Penyelaras Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Semasa menandatangani MoU tersebut, Dynamik Technologies diwakili oleh Head of Business Development, Albert Hwong, manakala Trade & Investment Affairs Manager, Sarawak Trade and Tourism Office Brunei (STATOB), Mohammad Mubarak bin Abdullah Su'ut, mewakili irix.

MoU ini menyediakan rangka kerja bagi kedua-dua syarikat untuk meneroka peluang perniagaan bersama di Malaysia dan seluruh rantau ini. Kerjasama tersebut merangkumi pembangunan strategi pemasaran bersama, memperkenalkan produk dan perkhidmatan digital Dynamik ke pasaran baharu serta memperluaskan perkhidmatan profesional, perundingan dan

program latihannya.

Kedua-dua syarikat juga akan meneroka kemungkinan menghoskan aplikasi dan produk Dynamik, termasuk DYN.HR dan DYN.AI, dalam infrastruktur pusat data milik irix, tertakluk kepada keperluan perlindungan data serta peraturan yang berkuat kuasa.

Antara bidang kerjasama lain yang berpotensi ialah menawarkan produk Dynamik seperti KARYADI, Nakhoda dan DYN.HR di pasaran Malaysia dan serantau, selain menyediakan perkhidmatan pengurusan infrastruktur serta teknologi maklumat.

Kerjasama ini menandakan langkah rasmi Dynamik ke arah memperkukuh kehadirannya di Sarawak, sekali gus menyokong hubungan digital dan ekonomi yang lebih erat antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak.

Melalui kerjasama ini, Dynamik dan irix berhasrat untuk menggalakkan perkongsian



YANG Berhormat Menteri Penyelaras Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat majlis.

pengetahuan, membangunkan peluang perniagaan serantau serta memperluaskan akses kepada

produk dan perkhidmatan digital yang dibangunkan di peringkat tempatan.

BIBD CAWANGAN YAYASAN DIRASMIKAN



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 31 Julai. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini melancarkan secara rasmi Cawangan Yayasan baharunya di tengah ibu negara sebagai satu lagi langkah memperkukuh pengalaman pelanggan, di samping meraikan warisan, bakat kreatif dan semangat keusahawanan Negara Brunei Darussalam.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Kumpulan BIBD, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah, Ahli-ahli Lembaga Pengarah BIBD, Ahli-ahli Badan Penasihat Syariah BIBD, wakil-wakil agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), rakan korporat, serta warga pengurusan dan kakitangan BIBD.

Cawangan baharu berkenaan berfungsi sebagai hab perkhidmatan pelanggan bersepadu yang menghimpunkan Pusat Kad BIBD, BIBD Ar-Rahnu dan BIBD Perdana di bawah satu

bumbung, sekali gus memudahkan pelanggan mendapatkan pelbagai perkhidmatan perbankan, pengurusan kekayaan dan penyelesaian kewangan secara lebih cekap dan menyeluruh.

Pelancaran tersebut turut menyaksikan pengenalan generasi baharu kad debit BIBD yang diinspirasi daripada identiti budaya Brunei. Reka bentuk koleksi tersebut mengetengahkan mercu tanda ikonik seperti Kampong Ayer dan Tamu Kianggeh sebagai simbol hubungan antara warisan negara dengan aspirasi ke arah masa depan digital.

Inisiatif itu turut membuka peluang kepada artis tempatan dan usahawan kreatif untuk mempamerkan hasil karya mereka melalui produk yang digunakan

YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Kumpulan BIBD hadir menyempurnakan majlis pelancaran berkenaan.

oleh pelanggan setiap hari.

Kad Eco Edisi Terhad menampilkan hasil karya pengasas Artelery Studio, Dayang Rashidah binti Haji Yusof, manakala Kad BIBD Flex menampilkan ilustrasi oleh Joanita Zain daripada JellybeanDreams. Konsep kad debit yang diperbaharui pula dibangunkan oleh pasukan kreatif dalaman BIBD yang diketuai oleh Awang Zahirul Ghazi bin Jomari bersama Awang Haji Amir Anwar bin POKPS Dato Paduka Haji Abdul Rahman dari Bahagian Pemasaran BIBD.

Selain memperkukuh perkhidmatan perbankan, Cawangan Yayasan turut menyediakan ruang runcit khas di bawah Projek TUNAS bagi memberi peluang kepada usahawan tempatan mempromosikan produk mereka serta meluaskan capaian pasaran.

Cawangan BIBD Perdana Yayasan turut menampilkan produk daripada jenama tempatan termasuk Tropique, pengeluar coklat artisan premium yang diasaskan oleh Dayang Lina binti Dato Idris, serta Angkasa Oud Agarwood Company, sebuah Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dari Daerah Tutong milik Awang Haji Muhamad Nur Adli bin Haji Hanafi yang menghasilkan pelbagai produk gaharu premium.

Pelancaran ini juga menyokong agenda transformasi digital negara melalui galakan penggunaan pembayaran digital yang lebih selamat dan lancar, di samping mempromosikan kreativiti tempatan.

Bersempena pembukaan cawangan berkenaan, BIBD turut memperkenalkan Kad Debit Eco Platinum Edisi Terhad yang diinspirasi daripada seni bina warisan Brunei dan akan ditawarkan menerusi kempen khas kepada pelanggan.

Kad debit baharu tersebut turut dilengkapi ciri keselamatan yang dipertingkatkan, termasuk penempatan maklumat sensitif pada bahagian belakang kad serta penggunaan butiran bercetak menggantikan cetakan timbul, sekali gus meningkatkan keselamatan dan kemudahan penggunaan.

Dalam pada itu, BIBD turut mengingatkan pelanggan agar sentiasa berwaspada dalam melindungi maklumat peribadi dan kewangan, termasuk tidak berkongsi nombor PIN, kata laluan, kata laluan sekali guna (OTP), nombor CVV atau maklumat kad dengan mana-mana pihak, selain memanfaatkan fungsi mengunci atau membekukan kad melalui aplikasi BIBD NEXGEN.

Menurut Awang Haji Mohammad Yusri, pembukaan Cawangan Yayasan mencerminkan komitmen BIBD dalam mempertingkatkan pengalaman perbankan pelanggan sambil terus menghargai identiti negara, memperkasa bakat tempatan dan menyokong pembangunan ekonomi yang lebih inklusif, inovatif serta berdaya saing.

Waspada dengan video rekaan, dimanipulasi menggunakan AI

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan video yang direka atau dimanipulasi menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) yang mungkin kelihatan realistik, tetapi sebenarnya mengandungi maklumat palsu atau mengelirukan.

Amaran berkenaan dikeluarkan berikutan penularan sebuah video yang menyalahgunakan nama BDCB dan menyamar sebagai pihak berkuasa, di samping membuat dakwaan bahawa produk yang dipromosikan mematuhi piawaian BDCB.

BDCB ingin menjelaskan bahawa BDCB tidak pernah menilai, meluluskan atau menyokong skim pelaburan atau produk yang dipaparkan dalam video berkenaan. Sebagai pengawal selia sektor kewangan Negara Brunei Darussalam (NBD), BDCB tidak menawarkan produk atau perkhidmatan kewangan kepada orang ramai, dan juga tidak mempromosikan atau menyokong mana-mana skim atau platform pelaburan.

Video sedemikian biasanya disebarkan melalui media sosial dan sering menggunakan identiti, imej atau suara pihak berkuasa kerajaan dan tokoh awam untuk meraih kepercayaan orang ramai. Video berkenaan juga mungkin mengandungi dakwaan sensasi atau menjanjikan pulangan yang

tinggi agar orang ramai membuat pembayaran, memberikan maklumat peribadi atau kewangan, atau mengakses laman sesawang atau aplikasi yang tidak sah.

Sehubungan itu, BDCB ingin menasihati orang ramai supaya sentiasa berwaspada dengan mengesahkan sumber maklumat, iaitu jangan terus dipercayai atau mengongsikan video dan kandungan lain yang disebarkan melalui media sosial.

Sentiasa sahkan sama ada maklumat berkenaan telah diterbitkan melalui laman sesawang atau akaun media sosial rasmi BDCB. Sekiranya terdapat keraguan, sila rujuk saluran rasmi atau hubungi BDCB secara langsung.

Sementara itu, berwaspada terhadap penyamaran dan dakwaan sensasi, iaitu berhati-hati dengan video yang menggunakan nama, imej atau suara pihak-pihak berkuasa, tokoh awam atau wakil BDCB untuk mempromosikan peluang pelaburan. Orang ramai juga hendaklah berwaspada terhadap dakwaan yang menjanjikan pulangan tinggi atau terjamin dalam tempoh yang singkat.

Manakala mengelakkan entiti yang tidak berlesen, iaitu hanya berurusan dengan institusi kewangan dan entiti yang berlesen atau dikawal selia oleh BDCB. Jika awda berurusan dengan entiti yang tidak berlesen atau tidak dikawal selia, awda tidak akan dilindungi di bawah rangka kerja

pengawalseliaan BDCB.

Rangka kerja berkenaan bertujuan untuk melindungi pengguna kewangan dengan memastikan hanya entiti yang berkecualan dan berlesen dibenarkan menyediakan perkhidmatan kewangan.

Sementara melindungi maklumat peribadi dan kewangan, iaitu jangan memberikan maklumat peribadi, perbankan atau kewangan, kata laluan, kata laluan sekali guna atau kod keselamatan sebagai respons kepada video, mesej, laman sesawang atau aplikasi yang mencurigakan.

Manakala melaporkan kandungan yang mencurigakan, iaitu laporkan sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan kepada Isu Pengguna Kewangan, BDCB menerusi talian +673 2380007 atau +673 8380007, atau melalui e-mel fci@bdc.gov.bn.

Orang ramai juga boleh melaporkan kandungan yang mencurigakan secara langsung kepada platform media sosial yang berkenaan dan kepada Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT) melalui talian Hotline +673 2458001, e-mel reporting@brucert.org.bn atau WhatsApp +673 7170766.

BDCB juga ingin menekankan bahawa menyalahgunakan nama atau logo BDCB, atau menggunakan nama atau logonya tanpa kebenaran, adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 74A Perintah BDCB, 2010. Kesalahan berkenaan membawa hukuman

denda tidak melebihi BND20,000, penjara bagi tempoh tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya sekali.

Di mana aktiviti berkenaan melibatkan penyamaran bagi tujuan menipu, ia juga boleh menjadi suatu kesalahan di bawah Bab 419 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22. Jika sabit kesalahan, pesalah boleh dihukum penjara bagi tempoh tidak melebihi tujuh tahun dan didenda.

Di samping itu, penyebaran maklumat palsu yang berkemungkinan menyebabkan ketidaktertaman orang ramai merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Bab 34 Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148. Kesalahan berkenaan membawa hukuman denda

sebanyak BND3,000, penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

BDCB komited untuk mengekalkan kestabilan kewangan NBD di samping melindungi sistem kewangan dan pengguna kewangan di negara ini. BDCB akan terus memantau aktiviti kewangan yang mencurigakan dan tidak berlesen, serta bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkenaan untuk

menangani kandungan berunsur penipuan.

Untuk mendapatkan senarai institusi kewangan yang berlesen di bawah BDCB serta BDCB Alert List, sila layari laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KERJASAMA SERANTAU PENTING TANGANI JENAYAH KEWANGAN



YANG Berhormat Menteri Kewangan II semasa berucap pada Mesyuarat Tahunan Asia / Pacific Group on Money Laundering (APG) dan Technical Assistance Forum 2026.

ancaman utama yang memerlukan pemantauan dan kewaspadaan berterusan.

Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menekankan perkara tersebut semasa berucap pada Mesyuarat Tahunan Asia / Pacific Group on Money Laundering (APG) dan Technical Assistance Forum 2026 yang berlangsung di The Empire Brunei, hari ini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II turut menarik perhatian bahawa rangkaian penipuan di rantau Asia Pasifik telah menyumbang kepada peningkatan sebanyak 47 peratus dalam notis dan penyebaran maklumat berkaitan penipuan oleh INTERPOL antara tahun 2024 hingga 2025. Penipuan pelaburan, penipuan melalui e-mel perniagaan terus mengeksploitasi saluran digital dan jurang kawal selia antara negara.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menegaskan bahawa APG perlu terus memberi

tumpuan kepada keberkesanan pelaksanaan, bukan sekadar pematuhan terhadap piawaian di atas kertas.

"Selaras dengan perkembangan di peringkat global, termasuk tumpuan terkini Financial Action Task Force (FATF) dalam membanteras rangkaian penipuan berasaskan siber serta mengurangkan risiko yang berkaitan dengan aset maya, tindak balas negara-negara di rantau ini juga perlu lebih dinamik.

"APG perlu terus memainkan peranan strategiknya, meningkatkan pematuhan negara-negara anggota terhadap piawaian FATF melalui pelaksanaan penilaian bersama (*Mutual Evaluation*), kajian tipologi serta forum bantuan teknikal," ujar Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat memaklumkan bahawa NBD kini giat memperkukuh ekosistem domestik bagi menghadapi pusingan penilaian bersama yang akan datang.

Di bawah penyelarasan Jawatankuasa Kebangsaan bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Penganasan, jelas Yang Berhormat, beberapa bidang keutamaan telah dikenal pasti, antaranya memperkukuh penyeliaan pencegahan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

pembersihan wang haram dan pembanteras pembiayaan penganasan (AML/CFT) dalam sektor kewangan dan sektor berkaitan, menguatkuasakan keperluan pendedahan pemilikan benefisial secara lebih menyeluruh serta mempertingkatkan rangka kerja negara dalam membanteras pembiayaan percambahan senjata pemusnah secara besar-besaran.

Menurut Yang Berhormat, segala usaha tersebut adalah kesinambungan kepada pencapaian NBD dalam Penilaian Bersama 2023 serta peningkatan penarafan yang dicatatkan menerusi Laporan Susulan 2024, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan negara dalam memperkukuh integriti sistem kewangan dan memerangi jenayah kewangan mengikut piawaian antarabangsa.

Terdahulu dalam ucapan, Yang Berhormat menyatakan bahawa penganjuran APG 2026 merupakan satu detik bersejarah kerana buat julung kalinya NBD menjadi tuan rumah kepada mesyuarat tahunan berkenaan.

Menurut Yang Berhormat, penyertaan rangkaian luas negara dan organisasi dalam mesyuarat tersebut menjadikannya sebagai

perhimpunan badan serantau berasaskan FATF yang terbesar di dunia.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai ekonomi kecil dan terbuka, tambah Yang Berhormat, NBD komited untuk terus mendukung piawaian antarabangsa dalam memastikan sistem kewangan negara kekal selamat, kukuh dan telus. Perkara tersebut, jelas Yang Berhormat merupakan asas penting bagi menjamin kelancaran aliran perdagangan dan pelaburan merentas sempadan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa sejak penubuhannya 29 tahun lalu, APG telah memainkan peranan penting sebagai pemacu kerjasama serantau dalam memperkukuh keselamatan kewangan.

Melalui pelaksanaan FATF 40 Recommendations ujar Yang Berhormat, APG telah membantu negara-negara anggota membangunkan rangka perundangan yang mantap bagi mengesan, mencegah dan membanteras jenayah kewangan, di samping memastikan kepentingan rantau Asia Pasifik terus diberi perhatian di peringkat global.

NBD perkukuh kerjasama serantau membanteras jenayah kewangan

JERUDONG, Khamis, 30 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) terus memperkukuh komitmennya terhadap usaha serantau dan antarabangsa dalam membanteras pembersihan wang haram, pembiayaan penganasan dan pembiayaan percambahan senjata pemusnah secara besar-besaran melalui penganjuran Mesyuarat Tahunan Asia / Pacific Group on Money Laundering (APG) dan Technical Assistance Forum 2026 yang berlangsung di The Empire Brunei.

NBD menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Tahunan APG 2026 dalam kapasiti sebagai Pengerusi Bersama Bergilir APG bagi

penggal 2026-2028.

Majlis perasmian mesyuarat tersebut disempurnakan oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Menteri Yang Bertanggungjawab Terhadap Hal Ehwal APG bagi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Penganasan dan Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis

Diraja Brunei (PPDB), Yang Amat Mulia Pengiran Anak Dato Seri Pahlawan Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Majlis tersebut menandakan penganjuran APG oleh NBD, mengalu-alukan Ahli-ahli APG dengan kehadiran pegawai-pegawai kanan daripada agensi-agensi kerajaan.

Mesyuarat yang berlangsung selama lima hari bermula 27 hingga 31 Julai 2026 itu dianjurkan oleh Kementerian Kewangan dengan kerjasama Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).

Majlis perasmian turut diserikan dengan Seminar Teknikal NBD mengenai Pelucutan Hak Berdasarkan Tiada Sabitan (Non-Conviction Based Forfeiture) yang mengetengahkan pengalaman dan amalan NBD dalam usaha membanteras jenayah kewangan.

Seminar berkenaan disampaikan oleh pegawai-



MAJLIS perasmian turut diserikan dengan Seminar Teknikal NBD mengenai Pelucutan Hak Berdasarkan Tiada Sabitan (Non-Conviction Based Forfeiture) yang mengetengahkan pengalaman dan amalan NBD dalam usaha membanteras jenayah kewangan.

pegawai kanan daripada PPDB, Biro Mencegah Rasuah, Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, manakala wakil daripada Pejabat Peguam Negara bertindak sebagai moderator.

Penganjuran APG kali ini menghimpunkan delegasi daripada 41 negara ahli, tiga negara pemerhati, 12 organisasi pemerhati serta wakil Urus Setia APG.

Mesyuarat merangkumi sesi plenari dan perjumpaan kumpulan kerja yang membincangkan hala tuju strategik dan rangka kerja APG, termasuk perkara berkaitan bantuan teknikal bagi menyelaraskan secara berkesan sokongan pembangunan kapasiti

dalam bidang pencegahan pembersihan wang haram dan pembanteras pembiayaan penganasan (AML/CFT) di rantau Asia Pasifik.

APG merupakan sebuah badan teknikal antarabangsa yang beroperasi sebagai badan serantau berasaskan Financial Action Task Force (FATF) bagi rantau Asia Pasifik dengan misi untuk memastikan bahawa negara-negara keahlian melaksanakan dengan berkesan piawaian-piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh FATF 40 Recommendations bagi membanteras pembersihan wang haram, pembiayaan penganasan dan percambahan senjata pemusnah secara besar-besaran.



ANTARA yang hadir pada mesyuarat berkenaan.

MEMPERKUKUH PERTUKARAN PENDIDIKAN, SINERGI LATIHAN VOKASIONAL, TRANSFORMASI DIGITAL



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menghadiri Minggu Kerjasama Pendidikan China-ASEAN 2026 (China-ASEAN Education Cooperation Week-CAECW), yang berlangsung dari 28 hingga 30 Julai 2026 di Bandar Guiyang, Wilayah Guizhou, Republik Rakyat China (atas dan atas kanan).

BANDAR GUIZHOU, WILAYAH GUIZHOU, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Khamis, 30 Julai. - Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam (NBD), Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menghadiri Minggu Kerjasama Pendidikan China-ASEAN 2026 (China-ASEAN Education Cooperation Week-CAECW), yang berlangsung dari 28 hingga 30 Julai 2026 di Bandar Guiyang, Wilayah Guizhou, Republik Rakyat China.

Minggu kerjasama yang diadakan di bawah tema 'Memanfaatkan Pendidikan Pintar, Membina Tanah Air yang Harmoni' berkenaan merupakan sebuah platform pelbagai hala yang penting bagi memperkukuh pertukaran pendidikan, sinergi latihan vokasional, transformasi digital serta kerjasama kebudayaan antara Republik Rakyat China dan Negara-negara Anggota ASEAN.

Acara berkenaan dianjurkan bersama oleh Kementerian Luar

Negeri, Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Rakyat Wilayah Guizhou, Republik Rakyat China, dan menghimpunkan wakil-wakil di peringkat menteri, pegawai kanan kerajaan, ahli akademik dan lebih daripada 450 orang delegasi tempatan dan antarabangsa.

Berikutan Majlis Pembukaan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menghadiri Dialog Menteri-menteri Pendidikan China-ASEAN yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Republik

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



Rakyat China, Tuan Yang Terutama Ren Youqun.

Dialog berkenaan memberi tumpuan kepada usaha memperkasa pembelajaran digital, pertukaran akademik, serta memperkukuh hubungan sesama rakyat di peringkat serantau.

Semasa sesi berkenaan, Yang Berhormat telah berkongsi inisiatif pendidikan digital NBD serta menekankan kepentingan memanfaatkan teknologi bagi membangunkan sistem pendidikan yang inklusif, berteraskan nilai dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

Sebelum menghadiri acara CAECW 2026, Yang Berhormat

bersama delegasi Kementerian Pendidikan NBD telah mengadakan lawatan kerja ke Ibu Pejabat Yidu Tech di Beijing, bagi meninjau dengan lebih lanjut penyelesaian digital berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) yang dibangunkan oleh syarikat berkenaan, di samping meneroka potensi kerjasama dalam memperkasa transformasi digital dan aplikasi AI dalam bidang pendidikan.

Turut mengiringi Yang Berhormat, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad, serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, NBD.

Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (kanan). Manakala gambar atas, antara para Muslimah yang hadir pada majlis tersebut yang telah mengambil tempat di Masjid Universiti Brunei Darussalam.

TUNGKU LINK, Khamis, 30 Julai. - Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang diraikan pada setiap 1 Ogos merupakan wadah penting bagi memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada para belia atas sumbangan, khidmat bakti serta impak positif mereka terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

Sambutan berkenaan juga menjadi platform untuk membarigakan kejayaan dan pencapaian belia di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa, sekali gus mengangkat peranan belia sebagai rakan strategik dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Bersempena dengan sambutan berkenaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran yang merangkumi Solat Fardu Maghrib dan Isyak

Berjemaah, Solat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil serta Doa Kesyukuran, bertempat di Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan Solat Fardu Maghrib Berjemaah dan Solat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid UBD, Pengiran Muhd. Nasiruddin bin Pengiran Haji Abu Bakar.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh mahasiswa UBD, Awangku Muhammad Fauzan Al-Hadey bin Pengiran Damit.

Bacaan berkenaan dikhususkan bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim; serta seluruh kaum Muslimin dan Muslimat yang telah kembali ke rahmatullah.

Seterusnya, Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-21, Tahun 2026 serta Doa Peliharakan Sultan dan NBD yang dibacakan oleh Imam Masjid UBD.

Majlis diakhiri dengan Solat Fardu Isyak Berjemaah.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap, Naib Canselor UBD, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-21, Tahun 2026, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jemputan.

Majlis turut disertai oleh ahli-ahli persatuan dan pergerakan belia dan sukan, pasukan-pasukan belia beruniform, penuntut institusi pengajian tinggi dan sekolah menengah, belia-belia masjid, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid UBD serta masyarakat umum.

Pengumuman majlis berkenaan menjadi wadah bagi seluruh warga belia untuk menzahirkan rasa syukur atas nikmat keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati di NBD, di samping mendoakan agar golongan belia terus dikurniakan kekuatan iman, keluhuran akhlak, ilmu pengetahuan dan semangat pengabdian kepada agama, raja, bangsa dan negara.

Pada hari yang sama, turut

diadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja yang diketuai oleh Setiausaha Tetap, KKBS, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis berkenaan dihadiri oleh ahli-ahli persatuan belia dan sukan, pasukan-pasukan beruniform, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para belia.

Sambutan berkenaan juga dihasratkan dapat menyuntik semangat para belia agar terus berani melangkah, memperkasa potensi diri dan tampil sebagai generasi pelapis yang berdaya tahan, berwibawa serta bersedia memikul amanah kepimpinan.

Dengan dukungan berterusan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, para belia diseru untuk bersama-sama menyumbang idea, tenaga dan kepakaran dalam menjayakan pembangunan negara serta merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Membudayakan amalan bacaan Ratib Al-Attas dalam kehidupan seharian



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang menghadiri Majlis Bacaan Ratib Al-Attas dan Tazkirah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Bagi menyemarakkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026, Bahagian Hal Ehwal

Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SHHB) pagi tadi mengadakan Majlis Bacaan Ratib Al-Attas dan Tazkirah.

Majlis diadakan di Masjid Jubli Perak SHHB, Kampung Jangsak, di sini.

Majlis berkenaan diadakan sebagai salah satu pengisian keagamaan sempena sambutan

berkenaan, di samping membudayakan amalan bacaan Ratib Al-Attas dalam kehidupan seharian.

Selain itu, ia juga bertujuan menzahirkan rasa syukur, kasih dan taat setia Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, majlis berkenaan turut menjadi wadah bagi mengeratkan silaturahmi dalam kalangan Muslimah masjid.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Majlis berkenaan dihasrat akan dapat menyemai rasa cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui penghayatan amalan zikir dan wirid, di samping memperkukuh semangat patriotisme, kasih sayang serta taat setia kepada raja dan negara.

Selain itu, ia juga diharap dapat mempereratkan ukhuwah dan

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

silaturahmi dalam kalangan Muslimah masjid serta terus menyokong aspirasi Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

SEKITAR tazkirah yang diadakan di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak.



136 PELAJAR BAHARU KUPU SB IKUTI MINGGU TA'ARUF

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang
Abdul Hamid



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hadir pada Majlis Kesyukuran Minggu Ta'aruf Kali Ke-20 KUPU SB (atas kanan), manakala gambar atas kiri dan bawah kiri, mahasiswa dan mahasiswi baharu Sesi Akademik 2026 / 2027 semasa menyertai Minggu Ta'aruf.



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Minggu Ta'aruf bukan sekadar minggu untuk

mengenal kampus, bukan sekadar mengenali fakulti, dan bukan juga sekadar mengetahui peraturan dan

sistem pengajian.

Daripada perspektif yang lebih besar, Minggu Ta'aruf ialah suatu transisi perjalanan pembentukan sahsiah diri manusia, iaitu perjalanan daripada seorang murid yang mulanya belajar daripada peringkat sekolah rendah ke peringkat menengah kepada kelahiran seorang ilmuwan yang lebih matang dan perjalanan daripada seorang pencari ilmu kepada seorang pembawa dan pengamal ilmu dan memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling.

Perkara berkenaan dikongsikan menerusi ceramah yang disampaikan pagi tadi oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB),

Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani pada Majlis Kesyukuran Minggu Ta'aruf Kali Ke-20 KUPU SB, bertempat di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan, di sini.

Menurutnya lagi, mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB perlu terus melangkah ke hadapan dengan penuh iltizam.

Tambahnya, tekun menuntut ilmu dan menempuh alam pengajian tinggi dengan sebaik-baiknya, penuh rasa bertanggungjawab dan beretika, bukan setakat menjadi insan yang tinggi ilmunya, luas pengetahuannya tetapi tinggi akhlak dan adabnya.

Profesor Madya Dr. Abdul Nasir seterusnya menegaskan bahawa

seluruh warga KUPU SB sewajarnya terus bersatu padu dalam memacu pertumbuhan dan perkembangan KUPU SB demi mencapai kecemerlangan.

Seramai 136 mahasiswa dan mahasiswi baharu Sesi Akademik 2026 / 2027 telah menyertai Minggu Ta'aruf yang menandakan bermulanya pengajian mereka di KUPU SB.

Minggu Ta'aruf memberi penekanan kepada pemahaman yang mendalam terhadap falsafah, visi dan misi KUPU SB sekali gus menyelami matlamat penubuhan institusi berkenaan serta peranan mereka sebagai mahasiswa dan mahasiswi yang berakhlak mulia dan berdaya saing.



Memperkasa belia sebagai aset negara

kisah mereka dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itu pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan hidayah kepada mereka".

Ayat ini menjelaskan mengenai pemuda Ashabul Kahfi yang hidup dalam suasana negara yang penuh dengan tekanan, kezaliman dan kekeliruan. Sungguhpun mereka berhadapan dengan cabaran gentir, mereka tetap berpegang teguh kepada keimanan, sehingga Allah Subhanahu Wata'ala menambahkan mereka hidayah, keteguhan dan pertolongan. Kisah ini menjadi teladan yang jelas bahawa belia yang beriman mampu menjadi benteng kekuatan negara. Iman yang teguh melahirkan peribadi belia yang tidak mudah terpengaruh dengan pujuk rayu duniawi. Sebaliknya, terus berpegang kepada kebenaran dan mengharap pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah mesej dan pengajaran buat generasi belia hari ini.

Belia hari ini berdepan dengan arus globalisasi yang semakin mencabar, disusuli dengan ledakan teknologi yang berkembang pesat dan transformasi digital yang kian rancak, namun demikian, kemajuan tersebut hanya akan membawa manfaat apabila dipandu oleh keimanan, akhlak dan nilai-nilai Islam.

Hal ini berlaku kerana gelombang media sosial, lambakan kandungan dunia siber yang boleh diakses tanpa sempadan sering kali menonjolkan gaya hidup bebas, tidak menghiraukan nilai-nilai akidah, syariat dan akhlak Islam. Segala aspek kehidupan dieksploitasi sehingga sebahagian anak muda kita tersasar lalu hilang status mereka sebagai insan yang berakal dan beradab. Sehubungan dengan itu, bagi mendepani cabaran alaf baharu ini, sebagai langkah membentengi jiwa mereka, dua asas penting perlu menjadi pegangan setiap belia :

Pertama : Kekuatan iman. Iman merupakan asas kepada pembentukan keperibadian seorang Muslim. Belia yang teguh imannya akan sentiasa berpaut kepada ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak mudah terpengaruh dengan fahaman songsang, ajaran sesat atau budaya asing yang bercanggah dengan syariat Islam, setiap amalan akan terarah kepada amalan soleh dan setiap perbuatan akan terhindar daripada perkara mungkar. Dengan keimanan jitu, belia akan lebih bermaruah, terpelihara keselamatan dan kesejahteraan dirinya.

Kedua : Kemuliaan akhlak. Ilmu dan kemahiran tanpa akhlak akan membawa kepincangan, manakala kemajuan tanpa adab akhirnya membawa kehancuran. Oleh itu, belia yang berilmu dan berkemahiran, perlu menghiasi diri dengan akhlak yang

mulia. Menghormati ibu bapa, guru dan pemimpin, menjaga tutur kata dan tingkah laku serta berhemah dan bertanggungjawab dalam pergaulan termasuk di alam maya. Akhlak yang baik akan mengangkat martabat seseorang dan menjadi asas kepada keharmonian masyarakat dan kemajuan negara. Daripada Jabir Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : *"Sesungguhnya yang paling aku cintai dan paling dekat denganku di akhirat nanti adalah orang yang mempunyai akhlak terbaik. Dan orang yang paling aku benci dan yang paling jauh daripadaku di akhirat nanti adalah orang mempunyai akhlak yang paling keji, iaitu orang yang mereka-reka percakapannya, orang yang berlagak pandai dan orang yang bercakap besar (sombong dan bongkak)".* (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Selain daripada memperkukuh iman dan akhlak, belia juga perlu diperkasa dari sudut ilmu, kemahiran serta keupayaan untuk menjadi peneraju kemajuan. Mereka tidak boleh berhenti menimba ilmu, malah mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat bagi memperkasa potensi diri. Dengan sikap yang terbuka terhadap perubahan, mereka perlu mampu menyesuaikan diri, berinovasi dan mencipta nilai baharu dalam pelbagai bidang. Dalam menyentuh besarnya peranan dan harapan yang digalas oleh generasi belia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-80 pada 15 Julai 2026 di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, antara petikan titah baginda :

"Turut jadi harapan beta ialah ingin melihat generasi muda berperanan lebih bermakna. Bukan sekadar jadi penonton kepada perubahan dan penggunaan teknologi ciptaan orang lain tetapi kita juga perlu bangkit sebagai pencipta, pemikir dan pemimpin berwawasan," demikian baginda bertitah.

Titah ini merupakan satu seruan dan harapan yang tinggi terhadap generasi belia agar tidak berpuas hati sekadar menjadi pengguna. Sebaliknya, tampil sebagai penggerak dan peneraju. Justeru, para belia hendaklah merebut segala peluang ilmu, kemahiran dan keusahawanan yang disediakan bagi melengkapkan diri sebagai generasi yang berdikari dan berdaya saing.

Sebagai sebuah negara yang berpegang kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), pemerkasaan belia hendaklah berteraskan

nilai-nilai murni yang bersumberkan ajaran Islam. MIB bukan sekadar identiti, bahkan merupakan cara hidup yang menyatupadukan keimanan, ketaatan kepada raja serta kesetiaan kepada Islam, bangsa dan negara. Belia yang dibentuk berlandaskan MIB akan menjadi generasi yang seimbang, kukuh pegangan agamanya, cintakan negara dan taat kepada pemimpin. Merekalah yang akan meneruskan kesinambungan kepimpinan negara serta menjadi tonggak kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035. Wawasan negara itu menuntut belia yang berpengetahuan tinggi, berkemahiran dan berdaya saing, di samping teguh berpegang kepada nilai-nilai keimanan dan akhlak. Pembangunan modal insan yang seimbang antara keperluan duniawi dan ukhrawi. Inilah yang akan menjamin kesejahteraan negara pada masa hadapan.

Memperkasa belia sebagai aset negara merupakan tanggungjawab yang perlu digembeng oleh semua pihak iaitu ibu bapa, penjaga, sekolah, institusi pendidikan, pemimpin, masyarakat dan negara. Ibu bapa merupakan benteng pertama dalam membentuk keperibadian anak-anak. Manakala institusi pendidikan pula berperanan melengkapkan mereka dengan ilmu dan kemahiran.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama berdoa agar barisan belia kita diteguhkan hati, sentiasa berada di jalan yang benar, dipelihara iman agar istiqamah melaksanakan ibadah, dikurniakan hidayah, perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dalam setiap langkah kehidupan mereka. Semoga mereka membesar menjadi generasi yang berilmu, beriman, bertakwa dan berakhlak mulia serta tampil sebagai generasi pelapis yang menjadi harapan agama, bangsa dan negara, dapat memikul amanah kepimpinan, menyumbang kepada pembangunan serta meneruskan kemajuan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang sentiasa berada dalam keredaan, rahmat dan keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala, *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : *"Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah. Dan kalau ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) beriman, tentulah yang demikian itu baik bagi mereka. (Tetapi) sebahagian daripada mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka ialah orang fasik".* (Surah Ali-Imran, ayat 110)



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kanan, persembahan Malam Roses29 Sketsa dan Kugiran yang dikendalikan oleh NY29 Entertainment & Services.

TUTONG, Khamis, 30 Julai. - Pentas Perayaan Daerah Tutong bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 di

Gerai Perayaan Daerah Tutong malam tadi, diteruskan lagi dengan persembahan Malam Roses29 Sketsa dan Kugiran yang dikendalikan oleh NY29 Entertainment & Services.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

Persembahan Malam Roses29 Sketsa dan Kugiran semarakkan Pentas Perayaan Tutong

Juga hadir selaku tetamu khas, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat, dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Antara persembahan yang menarik pada malam berkenaan termasuklah persembahan sketsa dan nyanyian. Drama Muzikal bertajuk 'Yang Dikejar Tak Dapat, Yang Dikendong... (dot.dot.dot.)' mengisahkan mengenai kehidupan, percintaan, penipuan dan penyalahgunaan dadah.

Penganjuran persembahan seumpama berkenaan adalah bertujuan bagi menyemarakkan lagi kemeriahan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta memeriahkan lagi suasana Pentas Perayaan

■ Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan



di Daerah Tutong.

Pentas Perayaan Daerah Tutong akan terus menampilkan pelbagai pengisian menarik termasuk persembahan bercorak kebudayaan, hiburan, keagamaan dan beberapa aktiviti kemasyarakatan sepanjang tempoh sambutan.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir

menyaksikan persembahan Pentas Perayaan pada setiap malam diadakan sehingga 8 Ogos 2026 depan bagi sama-sama memeriahkan lagi Pentas Perayaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80.



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap


 جياتن حال احوال مسجد
 JABATAN HAL EHWAL MASJID,
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MEMPERKASA BELIA SEBAGAI ASET NEGARA

(16 Safar 1448 / 31 Julai 2026)

CABARAN BELIA MASA KINI



- Hari ini, belia berdepan dengan arus globalisasi yang semakin mencabar, di susuli dengan ledakan teknologi yang berkembang pesat, dan transformasi digital yang kian rancak.
- Gelombang media sosial, lambakan kandungan dunia siber yang boleh akses tanpa sempadan sering kali menonjolkan gaya hidup bebas, tidak menghiraukan nilai-nilai akidah, syariah dan akhlak Islam.



**BELIA BUKAN SEKADAR HARAPAN,
BAHKAN MERUPAKAN ASET DAN
PEWARIS MASA DEPAN NEGARA**

Mereka adalah generasi yang akan mengambil alih tampuk kepimpinan, meneruskan pembangunan, memikul amanah serta menegakkan agama dan bangsa.

DUA ASAS PENTING

1 KEKUATAN IMAN



2

KEMULIAAN AKHLAK



ILMU DAN KEMAHIRAN



- Belia juga perlu diperkasa dari sudut ilmu, kemahiran serta keupayaan untuk menjadi peneraju kemajuan.
- Mereka tidak boleh berhenti menimba ilmu, malah mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat bagi memperkasa potensi diri.

TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Memperkasa belia sebagai aset negara merupakan tanggungjawab yang perlu digembleng oleh semua pihak iaitu ibu bapa, penjaga, sekolah, institusi pendidikan, pemimpin, masyarakat dan negara.



TBCW2026 SAJIKAN GABUNGAN CITA RASA, WARISAN, TRADISI THAILAND

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Durahman



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Julai. - Kedutaan Besar Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Jabatan Promosi Perdagangan Antarabangsa (DITP) Pejabat Kuala Lumpur; Kementerian Perdagangan Thailand; Pejabat Hal Ehwal Pertanian Jakarta serta Pihak Berkuasa Pelancongan Thailand (TAT) Pejabat Kuala Lumpur, sekali lagi menganjurkan Bazar Thailand dan Minggu Kebudayaan Ke-10 (Thailand Bazaar and Cultural Week 2026 - TBCW2026) secara rasminya berlangsung bermula hari ini bagi kunjungan orang ramai sehingga 2 Ogos 2026 bertempat di OneCity Shopping Centre, di sini.

Justeru, majlis perasmianya telah disempurnakan bersama oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon dan pemilik OneCity Shopping

Centre, Lau Soon Lin.

Pembukaan majlis turut diserikan dengan tayangan filem Thailand, iaitu 'Bad Genius' serta bengkel mini seni mempertahankan diri Muay Thai.

Terdahulu, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon dalam ucapannya antara lain berkata, penganjuran bazar berkenaan merupakan hasil kerjasama erat antara Kedutaan Besar Diraja Thailand dan OneCity Shopping Centre sejak 2020, sekali gus menjadikannya antara acara tahunan yang paling dinanti-nantikan oleh orang ramai.

TYT seterusnya menjelaskan bahawa TBCW2026 menghimpunkan 60 buah reruai yang menawarkan pelbagai produk asli Thailand, termasuk makanan, minuman, pencuci mulut, snek, buah-buahan segar, produk pertanian, aksesori fesyen serta pakej pelancongan.

Penyertaan kata TYT lagi,

melibatkan syarikat dan pengilang terkemuka dari Thailand, pengimport serta pengedar tempatan, selain usahawan Thailand dan restoran Thailand yang beroperasi di NBD.

Tambah TYT, turut mengambil bahagian ialah Ministry of Agriculture and Cooperatives, Thailand dan The Queen Sirikit Department of Sericulture yang mempamerkan koleksi sutera tradisional Thailand, manakala Pejabat Hal Ehwal Pertanian dari Jakarta memperkenalkan hasil pertanian serta buah-buahan segar Thailand melalui kerjasama dengan pengimport tempatan.

Menurut TYT lagi, bazar berkenaan bukan sekadar platform perdagangan, malah berperanan mengukuhkan hubungan rakyat dengan rakyat antara Thailand dan NBD melalui pelbagai aktiviti kebudayaan yang menarik.

TYT turut merakamkan penghargaan kepada semua agensi, syarikat dan peniaga yang menjayakan penganjuran TBCW2026 serta mengalu-alukan kehadiran orang ramai untuk meneroka pelbagai keunikan produk, makanan dan budaya Thailand bersama keluarga dan rakan-rakan.

Sepanjang lima hari penganjuran, pengunjung berpeluang mengikuti Bengkel Interaktif Muay Thai yang dikendalikan oleh Chainblock Muay Thai and Training Camp. Bengkel yang terbuka kepada peserta berusia tujuh tahun ke atas berkenaan memberi peluang kepada orang ramai mempelajari asas seni mempertahankan diri tradisional Thailand yang menggabungkan penggunaan tangan, kaki, lutut dan siku.

Selain itu, para pengunjung juga



MAJLIS Perasmian Bazar Thailand dan Minggu Kebudayaan Ke-10 disempurnakan bersama oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam dan pemilik OneCity Shopping Centre, Lau Soon Lin (atas dan kiri).

boleh menikmati tayangan percuma filem terkenal Thailand iaitu 'Bad Genius', yang merupakan sebuah filem *thriller* yang mencatat kutipan tertinggi di Thailand pada 2017 serta memenangi pelbagai anugerah antarabangsa termasuk Anugerah Filem Kebangsaan Suphannahong dan Festival Film Asia New York.

Bukan itu sahaja, pameran pakaian kebangsaan Thailand, Chud Thai bersama reruai fotografi berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) membolehkan pengunjung mencuba secara maya lapan rekaan ikonik pakaian tradisional Thailand yang diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Ratu Sirikit, Permaisuri Thailand, sebagai usaha memelihara warisan budaya

negara berkenaan.

Di reruai Kedutaan Besar Diraja Thailand pula, pengunjung boleh menikmati juadah tradisional Thailand di samping menyertai pelbagai aktiviti kebudayaan yang menawarkan hadiah menarik.

Sepanjang bazar berlangsung, para pengunjung turut berpeluang menikmati pelbagai promosi eksklusif serta pelancaran produk baharu daripada para peserta pameran.

TBCW2026 dijangka terus menjadi platform penting dalam memperkukuh hubungan perdagangan, pelancongan dan pertukaran budaya antara Thailand dan NBD, di samping menawarkan pengalaman unik kepada para pengunjung melalui gabungan cita rasa, warisan dan tradisi Thailand di bawah satu bumbung.

Tingkatkan kepekaan, kesedaran, kefahaman kepentingan bahasa Melayu

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Khamis, 30 Julai. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa telah mengadakan Tamu Bahasa, iaitu satu daripada inisiatif kegiatan kebahasaan dalam menggemakan Bulan Bahasa 2026 di Balai Sarmayuda DBP, Berakas, hari ini. Majlis turut disiarkan secara langsung melalui penstriman laman media sosial DBP.

Antara objektif Tamu Bahasa adalah untuk mendapatkan sokongan dan penglibatan pelbagai pihak dalam menyebarkan pengetahuan dan memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Selain itu, ia juga berobjektif untuk membincangkan isu semasa berkaitan bahasa Melayu, istilah baharu dan tulisan Jawi yang menjadi ciri identiti bangsa Melayu

dan meningkatkan kepekaan, kesedaran serta kefahaman semua lapisan masyarakat terhadap kepentingan bahasa Melayu sebagai identiti bangsa Melayu.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab dan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada pembicara eksekutif dan pengerusi.

Pemangku Pengarah DBP juga berbesar hati menerima sumbangan 10 naskhah buku bertajuk 'Scripting The Archipelago' daripada Qasrun Nafis Publishing House.

Pembentangan disampaikan oleh Dr. Awang Haji Md. Rozan bin Dato Paduka Haji Md. Yunus sebagai Pembicara Eksekutif dengan tajuk 'Ejaan Bersatu, Bahasa Berdiversiti : Memahami Perjanjian Ejaan 1972 dan Masa Depan Bahasa Melayu dari Perspektif Brunei'.

Pembicara Eksekutif merupakan Yang Dipertua Persatuan Sejarah

ANTARA yang hadir pada Tamu Bahasa, iaitu satu daripada inisiatif kegiatan kebahasaan dalam menggemakan Bulan Bahasa 2026.



PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan cenderamata kepada Pembicara Eksekutif.

Brunei. Manakala pengerusi pula ialah Pegawai Bahasa, DBP, Awang Raieham bin Mohd. Salleh.

Dalam pembentangan ini, Pembicara Eksekutif telah mengemukakan beberapa inti pati, antaranya ialah sejarah ejaan Rumi Melayu sebelum tahun 1972, iaitu daripada aksara Jawi kepada pelbagai sistem Rumi, perspektif Negara Brunei Darussalam (NBD) mengenai kedudukan istimewa tulisan Jawi dalam urusan adat istiadat, agama dan identiti kebangsaan yang menjadi teras kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan juga sandaran kepada semua dasar bahasa yang membolehkan pengadaptasian ejaan Rumi Melayu 1972 secara selektif, tanpa kehilangan jati diri.

Pembicara Eksekutif juga mencadangkan beberapa perkara iaitu perlunya pengiktirafan rasmi tulisan Jawi, pendidikan sejarah ejaan di sekolah dan kerjasama serantau yang berasaskan kesaksamaan, di samping cadangan penggunaan slogan 'Ejaan Bersatu, Bahasa Berdiversiti' yang boleh digunakan sebagai sukat-sukat atau prinsip dasar bahasa Melayu di NBD.

Kira-kira 107 peserta hadir dan mengikuti Tamu Bahasa ini yang terdiri daripada para pegawai kerajaan, mahasiswa, pelajar, pencinta bahasa dan sastera, penulis, belia serta individu persendirian. Acara ini turut diselitkan dengan sesi tanya jawab bersama audiens yang hadir.



LAWATAN UNIKARTA PERKUKUH JALINAN AKADEMIK, MASYARAKAT

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Keriam

KAMPUNG KERIAM, Khamis, 30 Julai. - Hubungan akademik dan pertukaran ilmu pengetahuan antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Indonesia terus diperkukuhkan menerusi lawatan sambil belajar rombongan Universitas Kutai Kartanegara (UNIKARTA) Tenggarong, Kalimantan Timur ke Kampung Keriam, yang membuka ruang kepada perkongsian pengalaman mengenai kehidupan masyarakat, budaya setempat serta pembangunan masyarakat.

Rombongan seramai tujuh orang itu diketuai oleh Ketua Program Studi Pendidikan Bahasa Ingeris, Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan (FKIP) UNIKARTA, Dr.

Fitria Mei Sarah, S.Pd., M.Pd.

Lawatan bertujuan menimba pengetahuan mengenai kehidupan, sosiobudaya dan masyarakat Kampung Keriam, di samping meninjau dengan lebih dekat sistem pendidikan di sebuah sekolah swasta yang beroperasi di kampung berkenaan.

Ketibaan rombongan di Masjid Kampung Keriam telah dialu-alukan oleh Ketua Kampung Keriam, Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan, yang turut menyampaikan taklimat mengenai tatacara pelaksanaan pembayaran Pencen Tua dan Elaun Kebajikan yang kebetulan sedang berlangsung di masjid tersebut.

Rombongan turut berpeluang

menyaksikan sendiri proses pembayaran berkenaan, selain beramah mesra dengan para penerima pencen, penduduk kampung serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Keriam yang membantu melancarkan urusan tersebut.

Lawatan kemudian diteruskan ke kediaman Ahli MPK Keriam, Awang Haji Nordin bin Saban, bagi mengikuti sesi taklimat mengenai sejarah, latar belakang serta perkembangan Kampung Keriam. Sesi soal jawab yang diadakan selepas taklimat berlangsung dalam suasana mesra dan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Rombongan kemudian mengunjungi Sekolah Nusa Jaya, Kampung Keriam, sebuah institusi pendidikan swasta yang menjadi antara tarikan utama lawatan dan Guru Besar sekolah berkenaan, Awang Muhammad Khaliq Nathiq bin Abdul Rahman, memberikan penerangan mengenai sejarah penubuhan sekolah, sistem pentadbiran serta pendekatan pendidikan yang dilaksanakan.

Sebagai sebahagian daripada pengisian lawatan, rombongan turut melawat Pusat Bahagia Tutong bagi melihat sendiri pelbagai aktiviti pembangunan kemahiran yang dijalankan, termasuk aktiviti memasak, penghasilan produk serta kegiatan keusahawanan yang melibatkan para pelatih pusat tersebut.

Program lawatan diakhiri



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong menerima kunjungan daripada rombongan Universitas Kutai Kartanegara (UNIKARTA) Tenggarong, Kalimantan Timur.

dengan kunjungan hormat kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri, di Rumah Persinggahan Pegawai Daerah Tutong.

Pertemuan tersebut menjadi platform untuk bertukar pandangan mengenai pendidikan, kepelbagaian etnik, budaya dan kehidupan masyarakat di Daerah Tutong, selain memperkukuhkan hubungan kerjasama antara institusi pendidikan dan komuniti kedua-dua pihak.

MPK Keriam turut merakamkan

penghargaan kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong atas kesudian menerima kunjungan rombongan serta menyediakan jamuan makan tengah hari kepada para peserta lawatan.

Lawatan tersebut diharapkan akan terus mempererat hubungan persahabatan antara NBD dan Republik Indonesia, di samping membuka lebih banyak peluang kerjasama dalam bidang pendidikan, penyelidikan dan pembangunan komuniti serta pertukaran budaya pada masa hadapan.



LAWATAN sambil belajar rombongan UNIKARTA Tenggarong, Kalimantan Timur ke Kampung Keriam.

Qalbu Dakwah Permata Seni meriahkan Pentas Perayaan Tutong



Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

TUTONG, Khamis, 30 Julai. - Pentas Perayaan Daerah Tutong bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026, di Gerai Perayaan Daerah Tutong diteruskan lagi malam ini dengan acara berunsur keagamaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Qalbu Dakwah Permata Seni berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Acara Qalbu Dakwah Permata

Seni yang dikendalikan oleh Kumpulan Permata Seni pada malam tadi membawakan beberapa buah lagu bercorak keagamaan termasuklah 'Intifada', 'Allah Luar Biasa', 'Selawat Cinta', 'Rindu Pada Mu', 'Pergi Tak Kembali', '25 Rasul' dan banyak lagi.

Antara penyanyi tempatan yang turut membuat penampilan pada acara berkenaan terdiri daripada Wan Zikri, Dayat, Mohd. Sabri, Aizuddin, Arvan Ravcarl, Haziq serta Ahli-ahli Kumpulan Permata Seni.

Di samping membawakan lagu-lagu berunsur keagamaan, acara turut dimeriahkan dengan diselangi kuiz bersama para pengunjung yang hadir di Pentas Perayaan kawasan lapang berhadapan Hospital Pengiran

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Qalbu Dakwah Permata Seni berkenaan.

Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong, di sini.

Penganjuran persembahan seumpama ini adalah bertujuan bagi menyemarakkan lagi kemeriahan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta memeriahkan lagi suasana Pentas Perayaan di Daerah Tutong.

Pentas Perayaan Daerah Tutong akan terus menampilkan pelbagai pengisian menarik termasuk persembahan bercorak kebudayaan, hiburan, keagamaan dan beberapa aktiviti kemasyarakatan sepanjang tempoh sambutan.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir menyaksikan persembahan Pentas Perayaan pada setiap malam diadakan sehingga 8 Ogos 2026 depan bagi sama-sama memeriahkan lagi Pentas Perayaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80.

Menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai budaya hidup, amalan

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

KIARONG, Khamis, 30 Julai. - Seramai 28 murid Darjah VI Sekolah Agama Haji Mohd. Jaafar Maun yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran telah diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, di sini, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ketua Unit Maklumat, Perangkaan dan Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Noorhasnah binti Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis sebelum diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti bacaan Takhtim.

Manakala Doa Khatam Al-Quran telah dibacakan oleh salah seorang daripada peserta khatam, Awang Mohammad Sharif Hidayatullah bin Awang Mohammad Khairul Ilmi dan diteruskan dengan persembahan dikir.

Seterusnya, majlis menyaksikan sesi penyampaian Sijil Khatam kepada para peserta yang diraikan yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai.

Dengan pelaksanaan Majlis Khatam Al-Quran sebegini, ia sememangnya dihasrat untuk terus sama-sama menyahtut hasrat kerajaan sebagai sebuah Negara Zikir dan memartabatkan falsafah Melayu Islam Beraja yang sekali gus untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, di samping sebagai galakan kepada murid-murid untuk menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai budaya hidup dan amalan harian.



SERAMAI 28 orang murid Darjah VI Sekolah Agama Haji Mohd. Jaafar Maun berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

10 MURID SR DATO OTHMAN TERIMA BANTUAN PERSEKOLAHAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Pembangunan
Masyarakat



PENYAMPAIAN sumbangan kepada syarikat-syarikat vendor yang terlibat dalam Program Projek Cahaya Hati telah diserahkan oleh wakil Syarikat Guan Feng Development, Pegawai Pembangunan Perniagaan, Dayang Nurulnabilah Nashuha binti Tahir. Turut hadir menyaksikan Majlis Penyampaian Sumbangan berkenaan ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Seramai 10 murid terdiri daripada anak-anak penerima bantuan daripada Sekolah Rendah Dato Othman, Kampung Lambak Kiri telah menerima sumbangan melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) daripada Syarikat Guan Feng Development di bawah Program Projek Cahaya Hati bersempena dengan Ulang Tahun Penubuhan syarikat berkenaan Ke-20.

Majlis penyampaian sumbangan

tersebut telah berlangsung di Bilik Mesyuarat At-Taufiq, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Penyampaian sumbangan kepada syarikat-syarikat vendor yang terlibat dalam Program Projek Cahaya Hati telah diserahkan oleh wakil Syarikat Guan Feng Development, Pegawai Pembangunan Perniagaan, Dayang Nurulnabilah Nashuha binti Tahir.

Jumlah keseluruhan sumbangan adalah sebanyak BND3,440 yang merangkumi pembiayaan yuran

kelas tambahan, pengangkutan kenderaan dan jamuan.

Projek Cahaya Hati merupakan inisiatif CSR bersempena Ulang Tahun Ke-20 Syarikat Guan Feng Development, yang dijalankan melalui kerjasama strategik antara Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), KKBS dan Kementerian Pendidikan serta Syarikat Guan Feng Development.

Projek ini bertujuan membantu golongan yang kurang berkemampuan, khususnya pelajar-pelajar yang memerlukan

sokongan dari segi keperluan persekolahan dan pendidikan agar mereka dapat meneruskan pembelajaran dengan lebih selesa dan teratur.

JAPEM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan dan Syarikat Guan Feng Development atas kerjasama dan sokongan dalam menjayakan projek ini.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dan sektor swasta dalam

melaksanakan tanggungjawab sosial ke arah memperkasakan golongan yang memerlukan. Jalinan kerjasama seumpama ini diharapkan akan terus diperkukuhkan demi kesejahteraan masyarakat dan pembangunan generasi masa hadapan.

Turut hadir menyaksikan Majlis Penyampaian Sumbangan berkenaan ialah Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh dan pegawai-pegawai kanan JAPEM.

Lebih 80 potretabadikan kasih sayang rakyat terhadap raja

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Lebih 80 potret bertemakan 'Potret Kenangan Abadi - Raja Kesayangan Kami' dipamerkan kepada orang ramai sebagai tanda kasih sayang dan penghargaan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun.

Pameran berkenaan yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan menentangahkan hasil

karya enam jurugambar veteran yang masih aktif dalam bidang fotografi iaitu Awang Mohamad Haranadi bin Haji Buntar, Awang Haji Mohd. Husini bin Haji Bakar, Awang Haji Osmad bin Haji Daud, Awang Haji Rusdi bin Haji Abdul Latiff, Awang Haji Mursidi bin Haji Abdul Ghani dan Awang Haji Mohamad bin Haji Sulaiman.

Dalam ucapan alu-aluannya, Awang Mohamad Haranadi menjelaskan bahawa pameran tersebut bukan sekadar mempamerkan hasil seni fotografi, malah menjadi wadah untuk mengabadikan rasa kasih, taat setia serta penghormatan rakyat kepada seorang raja yang sentiasa dekat di hati rakyat.

Beliau turut memaklumkan bahawa sebahagian daripada

SEKITAR pameran berkenaan yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan, yang menentangahkan hasil karya enam jurugambar veteran yang masih aktif dalam bidang fotografi (kanan dan bawah kiri).

potret yang dipamerkan pernah dipersembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda berkenan berangkat ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin baru-baru ini.

Menurut beliau, pameran itu juga bertujuan mengenang jasa dan sumbangan baginda kepada negara, rakyat serta komuniti, di samping menyemai semangat taat setia kepada raja, mengeratkan hubungan antara raja dan rakyat serta menyerlahkan kewibawaan kepimpinan baginda yang sentiasa berjiwa rakyat.

Mengulas mengenai peranan fotografi, beliau berkata, fotografi merupakan bahasa universal yang mampu menyampaikan mesej tanpa memerlukan terjemahan, selain memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan, industri kreatif, pelancongan serta pemeliharaan warisan dan sejarah negara.



Beliau turut berkongsi pengalaman merakam detik-detik bersejarah negara bermula daripada era penggunaan kamera analog ketika perisytiharan kemerdekaan pada tahun 1984, diikuti Sambutan Jubli Perak pada tahun 1992, Jubli Emas pada tahun 2017 sehingga perkembangan teknologi digital dan Kecerdasan Buatan (AI) yang dijangka terus mewarnai dunia fotografi menjelang Sambutan Jubli Intan pada tahun 2027.

Walau bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa secanggih mana teknologi berkembang, AI tidak mampu menggantikan tiga elemen utama dalam fotografi, iaitu 'mata untuk melihat, hati untuk merasai dan jiwa untuk bercerita'.

"Gunakan AI dengan bijak sebagai pemangkin untuk terbang lebih tinggi, bukannya sebagai alat yang melemahkan kreativiti. Matlamat akhir fotografi tetap sama, iaitu mengabadikan kasih

sayang, jasa, legasi dan sejarah untuk diwariskan kepada generasi akan datang," jelas beliau.


Mengakhiri ucapannya, beliau merakamkan penghargaan kepada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok dan Pemangku Penghulu Mukim Kianggeh bersama Majlis Perundingan Mukim Kianggeh atas kerjasama sebagai rakan strategik dalam menjayakan pameran tersebut.

Pameran yang menghimpunkan lebih 80 potret bersejarah itu kini dibukakan kepada orang ramai, sekali gus memberi peluang kepada pengunjung menghayati perjalanan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui lensa fotografi yang sarat dengan nilai sejarah, kasih sayang dan kenangan abadi.



PELUANG RAKYAT BERTEMU, MENJUNJUNG KASIH KEHADAPAN MAJLIS KEBAWAH DYMM

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



KAUNSELOR Aftercare Support Association, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

kepada baginda. "Selaku pemimpin akar umbi di mukim dan kampung, saya amat berbangga dan bersyukur kerana dapat bersama-sama menghadiri

PEMANGKU Penghulu Mukim Sengkurong dan Ketua Kampung Mulaut, Awang Hamizan bin Haji Mustapa.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Julai. – Hubungan istimewa yang sekian lama terjalin antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan rakyat baginda sekali lagi terserlah menerusi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Brunei dan Muara Tahun 2026 yang berlangsung dalam suasana penuh muhibah, mesra dan bermakna.

Majlis berkenaan bukan sekadar menjadi acara tahunan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, malah menjadi lambang keakraban, kasih sayang serta hubungan yang tidak ternilai antara raja dan rakyat yang menjadi teras kestabilan dan keharmonian Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pemangku Penghulu Mukim Sengkurong dan Ketua Kampung Mulaut, Awang Hamizan bin Haji Mustapa, menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana berkenan mencemar duli menghadiri majlis berkenaan.

Menurutnya, Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat merupakan wadah yang mengeratkan silaturahmi antara raja dan rakyat, selain memberi peluang kepada rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk bertemu, beramah mesra dan menjunjung kasih secara lebih dekat



PENGIRAN Haji Mohd. Iskandar Shah bin Pengiran Haji Jadid, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tarik Kalat.

majlis seperti ini. Inilah antara keistimewaan yang hanya terdapat di NBD apabila raja begitu dekat dengan rakyatnya," ujarnya lagi.

Awang Hamizan turut melihat perubahan positif yang berlaku dalam kalangan generasi muda apabila semakin ramai belia diberi kepercayaan menyandang jawatan sebagai penghulu mukim dan ketua kampung.

Perkembangan berkenaan katanya lagi, membuka ruang kepada kepimpinan yang lebih dinamik, khususnya dalam memanfaatkan melaksanakan pelbagai inisiatif proaktif bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Sementara itu, Pengiran Haji Mohd. Iskandar Shah bin Pengiran Haji Jadid, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tarik Kalat sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM, turut berkongsi pandangan mengenai keistimewaan hubungan baginda dengan rakyat melalui sukan tradisi berkenaan.

Beliau menjelaskan bahawa sukan tarik kalat mempunyai nilai sentimental yang tinggi kerana merupakan antara sukan kegemaran Kebawah DYMM dan juga Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Bagi mengimbau detik bersejarah berkenaan, Pengiran Haji Mohd. Iskandar Shah turut mempamerkan beberapa koleksi gambar kenangan yang memperlihatkan Kebawah DYMM bersama Al-Marhum ayahanda baginda berkenaan menyertai pertandingan tarik kalat. Gambar-gambar berkenaan merupakan koleksi peribadi ahli jawatankuasa dan Persatuan Tarik Kalat.

Beliau berharap koleksi berkenaan dapat menghidupkan semula nostalgia serta menjadi inspirasi kepada generasi masa kini bahawa sukan bukan sahaja memupuk semangat berpasukan, malah menjadi medium yang mengeratkan hubungan antara raja dan rakyat.

"Setiap kali Sambutan Hari Keputeraan, pertandingan tarik kalat sentiasa mendapat sambutan kerana ia melambangkan kebersamaan, kemesraan dan semangat



YANG Dipertua Majlis Belia Brunei, Dayang Nurul Izyan binti Anver semasa bergambar ramai.

kekitaan yang diteladani sendiri oleh Kebawah DYMM," ujarnya lagi.

Manakala Yang Dipertua Majlis Belia Brunei (MBB), Dayang Nurul Izyan binti Anver semasa ditemu bual menjelaskan bahawa penglibatan golongan belia dalam majlis berkenaan membuktikan peranan penting mereka sebagai rakan pembangunan negara.

Menurutnya lagi, penyertaan para belia yang mewakili pelbagai pertubuhan di bawah naungan MBB membuka ruang untuk mereka mempamerkan inisiatif, kreativiti dan sumbangan yang telah dilaksanakan kepada masyarakat serta negara.

Beliau seterusnya berkata, peluang berinteraksi secara langsung dengan Kebawah DYMM turut menjadi suntikan motivasi kepada belia untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara serta memperkukuh semangat patriotisme.

Turut berkongsi pandangan ialah Kaunselor Aftercare Support Association (AFSA), Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor, yang menyifatkan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk sebagai platform yang amat bermakna dalam memperkukuh hubungan erat antara raja dan rakyat.

Menurutnya lagi, keistimewaan NBD terserlah apabila Kebawah DYMM sendiri berkenan berangkat menemui rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam suasana yang penuh mesra dan kasih sayang.

"Setiap kali berlangsungnya Majlis Bersama Rakyat, inilah saat yang sentiasa dinantikan. Peluang bertemu secara dekat dengan Kebawah DYMM merupakan pengalaman yang amat bermakna dan mencerminkan kasih sayang baginda terhadap rakyat," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa penyertaan persatuannya dalam majlis berkenaan merupakan peluang untuk memperlihatkan hasil usaha membantu bekas penagih dadah dan individu yang pernah menjalani hukuman penjara membina kehidupan baharu melalui bidang pertanian serta latihan kemahiran.

"Kami mahu membantu

mereka melihat masa depan yang lebih cerah. Dengan peluang pekerjaan dan latihan kemahiran, mereka mampu bangkit semula serta menjadi anggota masyarakat yang produktif," ujarnya lagi.

Menurut Awang Haji Ali Yusri lagi, usaha berkenaan selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang memberi penekanan kepada pembangunan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya.

Mengakhiri temu bual, beliau turut berpesan kepada golongan belia agar sentiasa berani menghadapi cabaran, tidak mudah berputus asa dan berusaha menjadi yang terbaik dalam apa jua bidang yang diceburi, selaras dengan titah Kebawah DYMM yang sentiasa menggalakkan belia untuk meneroka pelbagai peluang serta menyumbang kepada

pembangunan negara.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat sekali lagi membuktikan bahawa institusi beraja di NBD bukan sekadar menjadi tonggak pemerintahan negara, malah terus mendekatkan raja dengan rakyat melalui hubungan yang berteraskan kasih sayang, saling menghormati dan kepercayaan.

Keakraban yang dipamerkan sepanjang majlis berkenaan menjadi manifestasi kepada kekuatan konsep Melayu Islam Beraja, di mana raja sentiasa dekat di hati rakyat, manakala rakyat pula terus menzahirkan taat setia dan kasih yang tidak berbelah bahagi kepada raja. Hubungan unik inilah yang menjadi antara kekuatan utama NBD dalam mengekalkan perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan negara daripada generasi ke generasi.





TUMPUKAN PERHATIAN PADA JALAN RAYA, JAUHI TELEFON BIMBIT.

WATCH THE ROAD, KEEP YOUR MOBILE PHONE AWAY.

Road Safety Depends on #YouAndMe



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut harga:**
RTB / K / 82 / 26 – 27
Supply And Delivery Of Office
Stationeries

**Yuran Sebut Harga
(Termasuk e-dokumen):**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas / (Hardcopy):
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 5 Ogos 2026
Jam 2.00 petang

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 71 / 26–27
Renovation Works At Radio
Television Brunei Tutong Barracks
No. 2A At Jln Hj Abdul Ghani And
No. 11B At Jln Pengiran Othman

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 5 Ogos 2026
Jam 2.00 petang

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 79 / 26 - 27
Pembelian Merchandise
Bahagian Rancangan Radio.

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 5 Ogos 2026
Jam 2.00 petang

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 78 / 26 - 27
Perkhidmatan Jamuan Bagi
Program Latihan Pusat
Perkembangan Penyiaran Untuk
Tempoh Enam (06) Bulan

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 19 Ogos 2026
Jam 2.00 petang

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 83 / 26 - 27
Fabricate & Supply Custom
Made Trophies Fortv Programme;
Supply, Fabricate, Install &
Dismantle LED Strip Light And
Printing With Platform;
Transporting, Install & Dismantle
Of Acrylic Flooring Sheets.

Bayaran Yuran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND 5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 5 Ogos 2026
Jam 2.00 petang



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

JPt / TAW / 08 / 2026 – 2027:
Pemeliharaan Saliran Ladang
Bagi Kawasan Kemajuan
Pertanian Di Daerah Brunei Muara
Zon 'A' Bagi Tempoh Dua
(2) Tahun.

(Yuran Tawaran BND30.00 |
Borang Tawaran BND15.00)

Tarikh Tutup:
Tidak lewat dari jam
2.00 petang pada Selasa,
1 September 2026.

1. JPt / SH / 56 / 2026 - 2027
Supply And Delivery Of
Materials And Consumables For
Sample Preparation And Analysis
On Feed Samples In Nutrition And
Toxicology Laboratory

2. JPt / SH / 57 / 2026 - 2027
Kerja-Kerja Memotong Rumpit
Dan Membersih Pejabat,
Perumahan Dan Jalan Ladang
KKP Tungku, Daerah Brunei
Muara Untuk Tempoh Satu
(1) Tahun

3. JPt / SH / 58 / 2026 - 2027
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Refrigerators And Freezer For The
Plant Pathology Laboratory In
Support Of ISO/IEC 17225:2017
Compliance

4. JPt / SH / 59 / 2026 - 2027
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
PCR Workstation And Related
Accessories For The Plant
Entomology Unit In Support Of



ISO/IEC 17225:2017 Compliance

5. JPt / SH / 60 / 2026 - 2027
Supply, Deliver, Installation And
Commissioning Of Three (3)
Units Analytical And Precision
Balance For Soil Science And
Plant Nutrient Unit Laboratory

Tarikh Tutup:
Tidak lewat dari jam
2.00 petang pada Khamis,
27 Ogos 2026.

Borang Sebut Harga:
BND7.00



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran
Dilanjutkan Sehingga :**
21 Julai 2026 (Selasa)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU
/ IL / TA / 1002
Pembelian Perabot Bagi Institut
Latihan ABDB, Penanjong Garison

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
dua minggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Rabu, 26 Ogos 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 8 September 2026
2.00 Petang

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 54 (8)
The Supply Of Liquefied
Petroleum (Gas) And Welding Gas
– (5) Five Years Contract

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu **Isnin, 24 Ogos 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 1 September 2026
2.00 Petang



**PUSAT DAWAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Tawaran:
(8) KHEU.PDI(UPNB)900-002
/ (1) / 02 JILID 4
Mencetak Takwim Tahun
Masihi 2027 Kementerian Hal
Ehwal Ugama



Tarikh Tutup :
Selasa, 1 September 2026

Saliran Di Jalan Bunga Simpurn
(PS2), Daerah Belait.

No. Projek:
2026ADKB/2106/002-003-004

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak
Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

**Tarikh Tutup
Dilanjutkan Pada:**
18 Ogos 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Sistem Pam



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Secara Terbuka
Bagi Pengendalian Kursus
Modular Bagi Tahun Kewangan
2026 / 2027**

**DA / JKSH / 67 / 2026 / 2027
[HRD-JULAI-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Modular Bagi
Tahun Kewangan
2026 / 2027 Bagi :
Microsoft Excel For Beginners
(Basic)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**DA / JKSH / 68 / 2026 / 2027
[HRD-JULAI-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Modular Bagi
Tahun Kewangan
2026 / 2027 Bagi :
Microsoft Word (Basic)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**Sebut Harga Secara Terbuka
Bagi Pengendalian Kursus
Modular Dan Signature
Programme (Batch 2) Bagi
Tahun Kewangan 2026/2027**

**DA / JKSH / 69 / 2026 / 2027
[HRD-JULAI-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Bagi Tahun
Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Ignite Your Creativity And
Innovation (JEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**DA / JKSH / 70 / 2026 / 2027
[HRD-JULAI-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Bagi Tahun
Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Problem Solving And Decision
Making (JEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**DA / JKSH / 71 / 2026 / 2027
[HRD-JULAI-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Junior Executive
Programme Bagi Tahun
Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Successful People Management
And Team Leadership (JEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**DA / JKSH / 72 / 2026 / 2027
[HRD-JULAI-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Middle Executive
Programme Bagi Tahun
Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Strategic Organizational
Development & Transformation
(MEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**DA / JKSH / 73 / 2026 / 2027
[HRD-JULAI-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Middle Executive
Programme Bagi Tahun

Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Effective Stakeholder
Engagement (MEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**DA / JKSH / 74 / 2026 / 2027
[HRD-JULAI-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Middle Executive
Programme Bagi Tahun
Kewangan 2026 / 2027 Bagi :
Managing Yourself And Leading
Others (MEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**DA / JKSH / 75 / 2026 / 2027
[HRD-JULAI-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Middle Executive
Programme Bagi Tahun
Kewangan 2026/2027 Bagi :
Critical Thinking, Problem Solving
And Decision Making (MEP)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**DA / JKSH / 76 / 2026 / 2027
[HRD-JULAI-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Modular Bagi Tahun
Kewangan 2026/2027 Bagi :
Microsoft Excel For Intermediate
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

**DA / JKSH / 77 / 2026 / 2027
[HRD-JULAI-2026]**
Sebut Harga Pengendalian
Kursus Modular Bagi Tahun
Kewangan 2026/2027 Bagi :
Mail Merge Menggunakan
Microsoft Word (Intermediate)
Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
15 Ogos 2026
Jam 9.00 Pagi

KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI
**Makluman Pemberitahuan
Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
08 / ASSET.MFA / 2026
Mobilization And
Relocation Services,
Ministry Of Foreign Affairs

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
To Supply and Replace New
Airconditioning at AFS Building,
Brunei International Airport
AME / 2026-2027 / SH-34
(kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
Replacement and Repairing Water
System for Main Pimpa at Gate 4,
Jabatan Penerbangan Awam
AME / 2026-2027 / SH-37
(kelas II atau ke atas)

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
Provision of Friction Testing
Services at Brunei International
Airport Runway
AME / 2026-2028 / SH-38
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Rabu
22 Julai 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Selasa
4 Ogos 2026
tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh tutup Sebut Harga:
Rabu
5 Ogos 2026

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Rabu,
5 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III & ke atas Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
4 Ogos 2026

Tarikh Tutup:
Selasa
18 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 020 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Paip
Pembetung Berhampiran Pam
Stesen PB3B Di STKRJ
Kg. Mumong, Daerah Belait

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-003-005

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III & ke atas Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
4 Ogos 2026

Tarikh Tutup:
Selasa
18 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 019 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Paip Pembetung Di
Jalan Setia Pahlawan Dan Jalan
Jaya Negara, Kuala Belait.

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-003-006

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

**PERATURAN
PENGIKLAMAN**
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

1. Bilangan Sebut Harga:
(62)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:

To Supply, Installation And Commissioning Of Lawn Bowls Rink At Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas

2. Bilangan Sebut Harga:
(63)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:

Membekalkan Dan Menghantar Vitamin Dan Supplement Bagi National Athletes, Pusat Perubatan Dan Penyelidikan Sukan

3. Bilangan Sebut Harga:
(64)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:

Supply, Delivery, Install, Commissioning And On-Site, User Training And Warranty Of Acclarix Diagnostic Ultrasound System For Clinic, SMRC

4. Bilangan Sebut Harga:
(67)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:

Twelve (12) Months Term Contract For General Pest Control Services At Multipurpose Hall And Pedestrian Mall, HBNSC

5. Bilangan Sebut Harga:
(68)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:

To Propose, Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Maintenance And Warranty Of Close Circuit Television (CCTV) System At Hockey Stadium, HBNSC

6. Bilangan Sebut Harga:
(69)JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:

Twelve (12) Months Term Contract For General Pest Control Services At Indoor Stadium, HBNSC And Santai De' Indoor Kiosk

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
6 Ogos 2026



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / LOG / TA / 1004
Pembelian Kenderaan Sport Utility Vehicle (SUV) Bagi Kegunaan Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 11 Ogos 2026**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 18 Ogos 2026
2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tawaran No. 01
To Supply and Installation of Tires for Fire Trucks BG 4985 (F1) Department of Civil Aviation AME / 2026-2027 / SH-24 / R

Tawaran No. 02
Supply & Install AC Drain Pipe for Post Security Office at Terminal Baggage Area - BIA AME / 2026-2027 / SH-35 (Kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 03
Kerja-Kerja Pengendalian, Pembuangan dan Pengutipan Sampah di Kawasan Pembuangan Sampah Jabatan Penerbangan Awam bagi Tempoh Dua (2) Tahun (24 Bulan) AME / 2026-2028 / SH-36 (Kelas II atau ke atas)



Rujukan Tawaran:
JPA / 1.4 / HPA / Ke-33 / 2026
Pembuatan Plak Sijil Bagi Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-33, Tahun 2026

Bayaran Tawaran:

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / BKS / 002 (JPPK / LTN / 23 / 2025)
Upgrading Of Fire Alarm Protection System For Ammo Depot At Berakas Garrison

Kelas:
III Ke Atas

Kategori:
E01, E02 dan KPME05

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lima (05) Bulan

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 25 Ogos 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
1 September 2026
Jam 2.00 Petang



Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
22 Julai 2026, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
4 Ogos 2026, Selasa tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
5 Ogos 2026, Rabu



Percuma

Tarikh Tutup:
Selasa,
4 Ogos 2026



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkapi Profil PSQR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2. Lengkapi Kelulusan (keputusan / pengkat serta subjek / bidang kelulusan)

3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (sijil, transkrip dan pengkijiran Hujah Kelulusan Pengkijiran Kelulusan (PKPK) yang berkaitan)

4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selarasan" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5. Lengkapi Maklumat (Jawatan / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipertimbangkan di dalam skim iklan)

+673 7371961

PSQR.BN

queryspa.gov.bn

Talian WhatsApp

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSQR.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEGAWAI KEWANGAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI B.2 EB.3(BAHAGIAN II) 2026/JUL/01/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	01	7(A)	05 OGOS 2026
2. MERINYU KESIHATAN KANAN JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN ALAM SEKITAR KEMENTERIAN KESIHATAN C.3 EB.4 (BAHAGIAN III) 2026/JUL/04/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	03	38(B) JKK-MOH	05 OGOS 2026
3. PENOLONG PEGAWAI LATIHAN JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/JUL/03/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	05 OGOS 2026
4. PEGAWAI SUMBER MANUSIA JABATAN PERDANA MENTERI B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2026/JUL/04/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	05 OGOS 2026
5. MEKANIK BILIK BEDAH JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/JUL/10/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	38(B) JKK-MOH	08 OGOS 2026
6. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI B.3 (BAHAGIAN II) 2026/JUL/03/KEPI	KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI	01	38 (A)	10 OGOS 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**





**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Iklan Tarikh Lanjutan

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 64 / 26 - 27

Supply and Delivery of Lips
Microphone, Wireless Microphone
and Its Accessories for Outside
Broadcast

**Bayaran Yuran
(Termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 5 Ogos 2026,
jam 2.00 Petang



**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
(RE01-2026) JAPEM / KRK /
TEN / HARIAN

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Barang Keperluan
Harian Bagi Residen Kompleks
Rumah Kebajikan (KRK) Untuk
Tempoh 24 Bulan

Bilangan Sebut Harga:
(RE02-2026) JAPEM / KRK /
TEN / KEBERSIHAN

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Barang
Kebersihan Dan Dapur Bagi
Kompleks Rumah Kebajikan
(KRK) UNTUK TEMPOH 5
BULAN

Bilangan Sebut Harga:
(RE03-2026) JAPEM / KRK /
TEN / ANAK DAMIT

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Barang Keperluan
Penjagaan Anak Damit Bagi
Kompleks Rumah Kebajikan
(KRK) Untuk Tempoh 5 Bulan

Tarikh Tutup :
Khamis, 6 Ogos 2026



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**1. DA / JKSH / 78 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Jamuan Bagi Raptai
1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak Acara
Sambutan Hari Guru Kali Ke-36,
Tahun 2026, Kementerian
Pendidikan, Negara Brunei
Darussalam

Tempat :
Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas (ICC)

Hari Raptai :
Ahli Jawatankuasa Tertinggi
Dan Ketua-Ketua Jabatan :
1. Raptai Pertama
2. Raptai Kedua
3. Raptai Penuh
Hidang (Buffet – Dome)

Hari Kemuncak :
1. VIP 1 – Hidang (Cocktail
Style)
2. VIP 2 – Hidang (Buffet –
Dome)

**2. DA / JKSH / 79 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]**
Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Jamuan Bagi Raptai
1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak
Sambutan Hari Guru Kali Ke-36,



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Pengambilan Pekerja
Sementara Sebagai Pereka
Bentuk Bandar**

Rakyat dan Penduduk
tetap Negara Brunei Darussalam
dipelawa untuk memohon
jawatan sebagai
**PEKERJA SEMENTARA
PEREKA BENTUK BANDAR**
bagi projek Penyediaan
Skim Perancangan
di Negara Brunei Darussalam.

Borang permohonan boleh
dimuat turun melalui laman
sesawang Jabatan:

https://www.jpbd.gov.bn/iklan-iklan-3/?et_fb=1&PageSpeed=off

Borang permohonan berserta
lampiran hendaklah dihantar
melalui e-mel kepada
komiti.pelan@tcp.gov.bn
tidak lewat
**13 Ogos 2026
(Khamis).**



Tahun 2026, Kementerian
Pendidikan, Negara Brunei
Darussalam

Tempat :
Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas (ICC)

1. Penerima Anugerah dan
Pengiring – Hidang (Buffet)

**3. DA / JKSH / 80 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Jamuan Bagi Raptai
1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak
Sambutan Hari Guru Kali Ke-36,
Tahun 2026, Kementerian
Pendidikan, Negara Brunei
Darussalam

Tempat :
Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas (ICC)

1. Peserta Persembahan –
(Penuntut) - Hidang (Serving)
2. Pancaragam Pasukan Polis –
Hidang (Buffet)

**4. DA / JKSH / 81 / 2026 / 2027
[BPPA-OGOS-2026]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Jamuan Bagi Raptai
1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak
Sambutan Hari Guru Kali Ke-36,
Tahun 2026, Kementerian
Pendidikan, Negara Brunei
Darussalam

Tempat :
Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas (ICC)

1. Ahli Jawatankuasa Kerja
(Buffet / Tapau)

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu, 22 Ogos 2026
(Jam 9.00 Pagi)



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
20 / JMM / S / 12 / 91 (2026 /
2027)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pencetakan
Buku-Buku Terbitan Jabatan
Muzium-Muzium

Tarikh Tutup :
Khamis, 13 Ogos 2026



**PUSAT PEKERJAAN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
PPB / LTK /
JELAJAHERJAYA2026

Tajuk Tawaran:
To Supply, Deliver and Install
Exhibition Booths & Displays for
Jelajah Kerjaya 2026

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan dan
dibayar melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin
21 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 4 Ogos 2026,
2.00 Petang



**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
KEPI / BIOS / JKSH / 04 /
2026-2027

Membukakan Satu (1)
Sebut Harga Untuk Perkhidmatan
Jurubahasa (Interpreter)
Dari Bahasa
Mandarin-Inggeris-Mandarin

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
6 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran :
AUD / BPK / UE / Q&T / 2026 –
2027 / 04

Kerja-Kerja Membekal,
Membuka Dan Memasang Cermin
Di Dalam Tandas Laki-Laki Dan
Perempuan (Dalam Bilik Besar)
Dari Tingkat 1 Hingga Tingkat 6
Blok 'B' Dan Tingkat 1 Blok 'C'
Dan Belakang Kantin, Bangunan
Bahirah, Jabatan Audit, Jalan
Dewan Majlis, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh Tutup :
Khamis,
13 Ogos 2026



**PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA**

Iklan Jawatan Kosong

Bilangan:
HMSF / ADMIN / 02 / 2026

Jawatan:
Logistics Controller (SFNS2)

Kekosongan:1

Jawatan:
Technical Services Manager,
SFM4

Kekosongan:1

Jawatan :
Technical Instructor : SFS2

Kekosongan:1

Tarikh Tutup Permohonan:
Rabu, 5 Ogos 2026



LAWATAN MEMPERLUAS PENGETAHUAN BUDAYA

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Siti Rokiah Abdullah, Ihsan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Seramai 29 pelajar daripada Tokyo Metropolitan Minami - Tama School dan Tokyo Metropolitan Hakuo High School, Jepun telah mengadakan lawatan sambil belajar serta menyertai Program Pertukaran Pelajar ke Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA), pagi tadi.

Ketibaan rombongan pelajar berkenaan telah dialu-alukan oleh Pengetua SM SMJA, Dayang Hajah Aisah binti Haji Mohd. Salleh bersama barisan guru serta para pelajar sekolah tersebut.

Program berkenaan bertujuan memupuk persefahaman bersama, menjalinkan persahabatan antara pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun, di samping mengukuhkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan kebudayaan melalui interaksi

PARA pelajar Tokyo Metropolitan Minami - Tama School dan Tokyo Metropolitan Hakuo High School, Jepun semasa mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam.

secara langsung antara para pelajar kedua-dua negara.

SM SMJA dipilih sebagai destinasi lawatan kerana mempunyai tenaga pengajar yang fasih berbahasa Jepun serta menawarkan Kelab Bahasa Jepun yang aktif dalam kalangan pelajar.

Selain itu, sekolah berkenaan turut mempunyai pengalaman menganjurkan pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan kerjasama antarabangsa.

Sepanjang lawatan tersebut, para pelajar berpeluang mengikuti pelbagai aktiviti yang telah disusun bagi menggalakkan interaksi dan pertukaran budaya. Terdahulu,



program dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua SM SMJA, diikuti ucapan daripada wakil delegasi Jepun.

Rombongan seterusnya dibawa melawat persekitaran sekolah bagi mengenali kemudahan serta suasana pembelajaran di SM SMJA. Para pelajar dari Jepun turut

berpeluang mempelajari cara menghasilkan kikk, iaitu layang-layang tradisional NBD, selain berinteraksi dan bertukar pengalaman bersama pelajar-pelajar SM SMJA.

Program seperti ini bukan sahaja mengeratkan hubungan persahabatan antara kedua-dua

negara, malah memberi peluang kepada para pelajar untuk memperluaskan pengetahuan mengenai budaya, bahasa dan sistem pendidikan masing-masing, sekali gus menyemai semangat saling menghormati dan persefahaman dalam kalangan generasi muda.

Suntik semangat terus berusaha capai kecemerlangan demi kemajuan NBD



PEGAWAI Pendidikan, Awang Haji Kairulazhar bin Haji Rosli dan lepasan Universiti Al-Azhar, Awang Muhammad Ekram 'Afif bin Haji Awang Mohd. Hanafi (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Julai. - Sumbangan signifikan yang diberikan oleh individu-individu cemerlang terus menjadi pemangkin semangat kepada golongan belia untuk menyumbangkan bakti kepada agama, raja dan negara.

Pengiktirafan yang diterima bukan sahaja menjadi penghargaan terhadap usaha mereka, malah membuktikan bahawa setiap sumbangan, walau dalam apa jua bidang, mampu memberi impak besar kepada pembangunan negara.

Semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Brunei dan Muara, lima belia yang aktif menyumbangkan khidmat dalam bidang kemasyarakatan, pendidikan, Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM); keagamaan dan industri kreatif telah dipilih untuk bertatap bersama Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah



PENOLONG Pegawai Projek II di Universiti Brunei Darussalam, Awang Muhammad Khalil Hazazi bin Haji Abdul Latif.

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Peluang yang amat berharga berkenaan bukan sahaja menjadi kenangan terindah dalam kehidupan mereka, malah membuka ruang untuk berkongsi sendiri kepada baginda mengenai sumbangan yang telah dilaksanakan, di samping menyampaikan aspirasi serta perancangan masa depan dalam bidang masing-masing.

Pengiktirafan berkenaan sekali gus menyuntik semangat untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan demi kemajuan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan SMARTER Brunei, Dayang Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah, menjelaskan peluang berkenaan merupakan satu penghormatan yang amat besar dan hanya hadir sekali seumur hidup.

Beliau menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengiktirafan yang diberikan kepada golongan belia yang berkhidmat kepada masyarakat. Selama 25 tahun penubuhan SMARTER Brunei, persatuan berkenaan telah mendidik, membimbing dan menyokong kanak-kanak autisme serta keluarga mereka.

Dalam tempoh yang sama katanya lagi, SMARTER Brunei turut berjaya melahirkan tenaga mahir tempatan, dengan kira-kira 80 peratus tenaga kerja persatuan terdiri daripada bakat-bakat tempatan yang berkemahiran dalam pengurusan dan pendidikan individu autisme.

Beliau turut berkongsi perancangan masa depan

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

persatuan berkenaan untuk membina sebuah sekolah khusus bagi kanak-kanak autisme serta memperluaskan perkhidmatan kepada golongan warga emas Orang Kelainan Upaya (OKU).

Menurutnya lagi, pembangunan berkenaan akan memastikan perkhidmatan kepada komuniti terus berkembang sejajar dengan keperluan masyarakat.

Mengakhiri perkongsian, Dayang Sharifah Adila Surya menyeru golongan belia supaya sentiasa mengikhlaskan niat dalam setiap usaha, terus menyokong kerajaan dan berganding bahu membina masyarakat yang lebih maju, inklusif serta berdaya saing.

Sementara itu bagi Dayang Lee Jing Jing, seorang belia yang aktif dalam bidang STEM mengongsikan peluang bertemu secara dekat dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan satu penghormatan yang amat bermakna.

Graduan Tingkatan 6 dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan berkenaan seterusnya menjelaskan, pilihannya menghadiri majlis berkenaan membuktikan bahawa usaha, dedikasi dan sumbangan golongan belia sentiasa mendapat perhatian serta penghargaan.

Beliau aktif menyertai pelbagai pertandingan dan aktiviti STEM, dengan pencapaian paling membanggakan ialah penghasilan sebuah peranti inovatif yang mampu menjana tenaga elektrik daripada tanah sebagai usaha menyokong pembangunan tenaga lestari selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Dayang Lee Jing Jing seterusnya berkata, peluang bertemu baginda menjadi pembakar semangat untuk terus berinovasi serta menyumbangkan kepada pembangunan negara, di samping menjadi inspirasi kepada lebih ramai belia untuk menceburi bidang STEM.

Beliau turut menitipkan pesanan kepada generasi muda agar tidak mudah berputus asa dan sentiasa berani mencuba perkara baharu.

"Jangan takut untuk meneroka peluang baharu kerana kita tidak pernah tahu potensi yang mampu kita capai. Teruskan berusaha dan lakukan yang terbaik kerana setiap

usaha pasti akan membuahkan hasil," ujarnya lagi.

Manakala dalam bidang keagamaan pula, lepasan Universiti Al-Azhar, Awang Muhammad Ekram 'Afif bin Haji Awang Mohd. Hanafi, 25 tahun, menyifatkan peluang santap bersama Kebawah DYMM merupakan satu penghormatan yang amat bermakna dan sukar diperoleh.

Beliau turut berkongsi pengalaman ketika menjadi Imam Solat Sunat Tarawih di Jepun, yang menurutnya memberi peluang untuk menyampaikan syiar Islam kepada masyarakat di luar negara serta memahami cabaran umat Islam dalam menghidupkan suasana Ramadan di negara berkenaan.

Awang Muhammad Ekram 'Afif berharap pengalaman yang diperoleh akan terus menjadi dorongan untuk berbakti kepada masyarakat melalui bidang keagamaan dan kemasyarakatan.

Sementara Pegawai Pendidikan, Awang Haji Kairulazhar bin Haji Rosli ketika ditemui menjelaskan peluang menghadiri majlis berkenaan menjadi motivasi untuk terus berinovasi dalam sektor pendidikan.

Jelasnya lagi, antara sumbangan signifikannya ialah pembangunan e-Resources 2.0, yang memperkukuh platform MOE TV dan SUMBER melalui penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) bagi meningkatkan kecekapan serta memperkayakan pengalaman pembelajaran.

Inovasi berkenaan tambahnya telah menerima Anugerah Emas Anugerah Inovasi Perdana (AIP) 2025, sekali gus menjadi pembakar semangat untuk terus menghasilkan pembaharuan dalam bidang pendidikan.

Awang Haji Kairulazhar turut menyifatkan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat sebagai sebuah majlis yang penuh kemesraan, mengangkat semangat perpaduan dalam kalangan rakyat daripada pelbagai latar belakang serta mencerminkan hubungan erat antara raja dan rakyat.



DAYANG Lee Jing Jing dan Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan SMARTER Brunei, Dayang Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah (kiri dan kanan).

Menurutnya lagi, hubungan istimewa berkenaan menjadi inspirasi kepada seluruh rakyat untuk terus menyumbangkan khidmat bakti demi kemajuan negara.

Manakala Penolong Pegawai Projek II di Universiti Brunei Darussalam, Awang Muhammad Khalil Hazazi bin Haji Abdul Latif, mengakui berasa terkejut namun amat teruja apabila dimaklumkan beliau terpilih untuk menghadiri santap bersama Kebawah DYMM.

Beliau yang telah menyumbang sebagai pereka grafik bagi Buku Dirgahayu sejak 2019 berkata, peluang berkenaan memberikan keyakinan bahawa setiap usaha dan hasil kerja anak tempatan sentiasa mendapat perhatian serta penghargaan daripada baginda.

Menurutnya lagi, sikap prihatin Kebawah DYMM yang sentiasa mengambil berat mengenai perkembangan dan sumbangan golongan belia menjadi inspirasi untuk beliau terus berkarya serta memberikan yang terbaik kepada negara.

Peluang santap bersama Kebawah DYMM jelasnya lagi, menjadi lebih daripada sekadar satu penghormatan. Ia merupakan simbol penghargaan terhadap sumbangan belia yang telah mencurahkan bakti dalam pelbagai bidang, sekali gus menjadi pemangkin kepada lahirnya lebih ramai generasi muda yang berani berinovasi, berkhidmat kepada masyarakat dan bersama-sama merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

SENI MAMPU MENJADI JAMBATAN MENGHUBUNGKAN RAJA DAN RAKYAT



Darussalam Ke-80 Tahun. Bertemakan 'Menjunjung Raja Tampuk Negara', persembahan berkenaan bukan sahaja menampilkan keunikan seni dan budaya tempatan, malah menjadi lambang perpaduan serta kasih sayang rakyat terhadap raja yang memayungi negara.

PENGARAH Persembahan, Awang Fathan bin Haji Anuar dan Ketua Jurulatih, Awang Mohamad Asyramisyane bin Kamis (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Julai. – Persembahan yang menggabungkan konsep pop tradisional dengan elemen kebudayaan pelbagai etnik serta sentuhan lagu-lagu popular Latin menjadi antara tarikan utama pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Brunei dan Muara (DBM) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei.

Pengarah Persembahan, Awang Fathan bin Haji Anuar, menjelaskan bahawa persembahan pada tahun ini dibahagikan kepada tiga segmen yang menggambarkan kehidupan masyarakat di DBM, khususnya komuniti di kawasan darat.

dan Kampong Ayer yang kaya dengan kepelbagaian latar belakang, budaya dan cara hidup.

"InsyaAllah, lagu-lagu dan persembahan yang kami bawakan menggambarkan identiti masyarakat DBM serta semangat perpaduan yang menjadi kekuatan negara," jelasnya.

Menurutnya lagi, persembahan kali ini turut mencerminkan nilai keterangkuman apabila melibatkan penyertaan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang bergandingan bersama artis-artis tempatan. Peserta OKU yang dipilih

merupakan juara Pertandingan Nyanyian 'OKU Got Talent' yang pernah dinilai oleh pihak penyelaras persembahan.

Tambahnya, seramai lebih 250 peserta terdiri daripada penuntut sekolah menengah, golongan belia dan peserta OKU menjayakan persembahan berkenaan. Latihan intensif telah dijalankan selama lebih sebulan selepas semua peserta digabungkan, manakala perancangan awal bermula dua hingga tiga bulan lebih awal, termasuk penyelarasan latihan di sekolah-sekolah yang terlibat.

Awang Fathan berharap persembahan berkenaan bukan sahaja memberi impak positif kepada para penonton, malah dapat menyerlahkan imej DBM sebagai sebuah daerah yang dinamik, pesat membangun dan progresif, selaras dengan tema yang diketengahkan.

Sementara itu Ketua Jurulatih, Awang Mohamad Asyramisyane bin Kamis, turut menzahirkan rasa syukur kerana sekali lagi diberi peluang menyumbang bakti dalam persembahan berkenaan.

Menurutnya, peluang membuat persembahan di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan satu penghormatan yang amat bermakna dan sukar digambarkan dengan kata-kata.

"Selain rasa teruja, saya amat menghargai peluang ini kerana ia merupakan salah satu sumbangan kecil yang dapat saya berikan bagi menjayakan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk.. Walaupun saya terlibat dalam persembahan seperti ini hampir setiap tahun, setiap edisi mempunyai elemen dan pendekatan yang berbeza, sekali gus memberikan pengalaman serta cabaran baharu," katanya.

Beliau turut berpandangan bahawa Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk menjadi wadah penting yang menghimpunkan seluruh lapisan masyarakat untuk bersama-sama meraikan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, di samping memberikan peluang kepada rakyat menyampaikan sembah ucapan tahniah dan menzahirkan rasa kasih serta taat setia kepada baginda.

Manakala bagi penyanyi lagu tema 'Tampuk Negara', Dayang Yaniey Junaini menjelaskan penglibatannya dalam persembahan pentas Majlis Bersama Rakyat bermula sejak 2017.

Menurutnya lagi, lagu tema pada tahun ini menampilkan kelainan menerusi gabungan elemen dangdut, satu genre yang sinonim dengan kekuatan vokalnya.

Tambahnya, latihan telah dijalankan selama beberapa bulan sebelum semua peserta digabungkan dalam latihan berskala besar menjelang hari kemuncak.

Lebih mengharukan katanya lagi, persembahan tahun ini turut mengetengahkan bakat golongan OKU sebagai lambang bahawa

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



ANTARA penari yang menyertai persembahan berkenaan.

setiap warga mempunyai ruang dan peluang untuk menyumbang kepada negara.

Sementara salah seorang peserta OKU, Awang Ezan Safree, mengakui pada mulanya beliau berasa terkejut apabila dipilih membuat persembahan di hadapan Kebawah DYMM. Namun, perasaan berkenaan bertukar menjadi rasa syukur kerana diberi peluang yang amat berharga sepanjang hidupnya.

Bagi memastikan persembahan yang terbaik, beliau mengikuti jadual latihan yang telah ditetapkan selain mendapatkan pandangan daripada rakan-rakan penyanyi untuk terus memperbaiki mutu persembahan.

Dalam menghafal dan memahami lirik lagu pula, Awang Ezan Safree turut memanfaatkan aplikasi mudah alih yang membantunya menguasai setiap bait lagu dengan lebih berkesan.

Walaupun berdepan keterbatasan penglihatan, semangat beliau tidak pernah luntur. Sebaliknya, cabaran berkenaan menjadi pemangkin untuk memberikan persembahan terbaik sebagai tanda kasih,



DAYANG Yaniey Junaini.

penghormatan dan penghargaan kepada raja yang sentiasa dekat di hati seluruh rakyat.

Persembahan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di DBM sekali lagi membuktikan bahawa seni mampu menjadi jambatan yang menghubungkan raja dan rakyat, menyemarakkan semangat perpaduan serta memperkukuh nilai kebersamaan dalam meraikan pemimpin negara.

Melalui gabungan warisan budaya, bakat generasi muda dan penyertaan inklusif golongan OKU, persembahan berkenaan mencerminkan semangat sebuah negara yang bersatu, harmoni dan terus menjunjung institusi beraja sebagai tonggak kemakmuran Negara Brunei Darussalam.



Awang Ezan Safree.

DARI MAHKAMAH

2 lelaki warga tempatan dijatuhi hukuman

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Julai. - Dua lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman denda atas kesalahan memiliki rokok, vape dan minuman keras tanpa permit yang sah di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Syaffina binti Shahif menjatuhkan hukuman berkenaan terhadap Mohd. Azri bin Jaffpri (D1), 34 tahun dan Syazrin Syafie Syahmi bin Suhaili (D2), 26 tahun di Mahkamah Majistret hari ini.

Defendan D1 telah mengaku bersalah terhadap 11 pertuduhan dan telah dijatuhi hukuman denda keseluruhan berjumlah BND766,600 atau pemenjaraan selama 134 bulan sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.

Manakala defendan D2 telah mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan dan telah dijatuhi hukuman denda keseluruhan berjumlah BND181,500 atau pemenjaraan selama 28 bulan sekiranya gagal menjelaskan denda berkenaan.


Defendan ditangkap oleh Pegawai Operasi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) Bandar Seri Begawan (BSB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) Cawangan Limau Manis pada 16 Mac 2021 di sebuah kawasan letak kereta di Ban 3, Kampung Mulaut; 14 November 2021 di sebuah kawasan letak kereta di kawasan Sengkurong; 30 Ogos 2022 di sebuah premis perniagaan di Kampung Batong; 14 Oktober 2022 di sebuah rumah di Kampung Kulapis; dan 24 Disember 2022 di sebuah simpang di Kampung Parit Agau.

Semua rokok, vape dan minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dilupuskan.





JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan



INFO Teknologi



Peranti penyimpanan : Pilihan di antara kelajuan dan kapasiti

Pengenalan

PADA permukaan, Pemacu Cakera Keras ataupun Hard Disc Drive (HDD) dan Pemacu Keadaan Pepejal yang juga dikenali sebagai Solid State Drive (SSD) mempunyai fungsi yang lebih kurang sama, iaitu untuk menyimpan data. Kedua-dua peranti penyimpanan ini berfungsi sebagai memori untuk komputer dan bersifat *non-volatile* atau tidak meruap. Ini bererti, peranti tersebut boleh berfungsi sebagai memori komputer yang boleh menyimpan dan mengekalkan data walaupun bekalan kuasa elektrik ditutup atau dipadamkan. HDD atau SSD boleh digunakan untuk yang menyimpan sistem pengendalian, permainan, foto dan dokumen walaupun apabila kuasa dimatikan.

Perbezaan asas diantara HDD dan SSD ialah pada bentuk dan rekaannya. HDD merupakan peranti mekanikal yang wujud sejak beberapa dekad lalu. Ia berfungsi seperti pemain rekod – mempunyai cakera berputar yang bermagnet dan kepala baca / tulis pada lengan mekanikal yang bergerak untuk mengakses data. Setiap kali fail dibuka, bahagian-bahagian ini bergerak secara fizikal. SSD pula

menggunakan memori kilat NAND, teknologi yang sama seperti pemacu kilat USB. Ia tiada bahagian bergerak, menjadikannya sepenuhnya elektronik. Data diakses secara serta-merta oleh pengawal yang mencari alamat fail pada cip memori.

Perbandingan ciri-ciri HDD dan SSD

Kelajuan merupakan faktor utama pengguna beralih kepada menggunakan SSD. SSD mengakses data hampir serta-merta, manakala HDD perlu menggerakkan kepala baca / tulis dan menunggu cakera berputar ke kedudukan betul. Selain itu, masa *boot* iaitu masa untuk menghidupkan SSD hanya mengambil beberapa saat berbanding dengan HDD yang mengambil 30 saat atau lebih. Dari segi kelajuan pemindahan fail, kelajuan SSD boleh mencapai 7,000 MB/s, manakala HDD hanya sekitar 250 MB/s. Untuk pengguna yang menggunakan komputer untuk permainan *gaming*, SSD berkebolehan untuk memuatkan permainan lebih pantas dan mengelakkan *hitching* (terhenti seketika) yang sering berlaku dengan penggunaan

HDD yang dianggap perlahan.

Dari segi ketahanan dan kebolehpercayaan, SSD merupakan pilihan yang lebih unggul kerana ianya tidak ada bahagian bergerak menjadikannya lebih tahan terhadap kejutan, getaran, dan apabila terjatuh. Jika komputer riba menggunakan HDD dan ianya jatuh semasa dihidupkan, kepala baca / tulis boleh terhempas ke cakera, menyebabkan kehilangan data yang mungkin sukar untuk dipulihkan dan dalam situasi seperti ini SSD berkemungkinan lebih tahan. Dari aspek kos dan kapasiti muatan, HDD mempunyai kos lebih rendah kerana teknologi yang digunakan lebih tua dan murah untuk dihasilkan. Harga peranti HDD dengan kapasiti muatan 2TB akan mempunyai harga lebih rendah berbanding SSD yang mempunyai kapasiti yang sama.

Ciri-ciri lain yang membezakan HDD dan SSD ialah pada aspek bunyi. HDD menghasilkan bunyi seperti dengung atau klik dan haba kerana cakera berputar. Ia juga menggunakan lebih elektrik dari, yang boleh menyebabkan bateri, jika menggunakan, komputer riba cepat habis. SSD pula beroperasi secara senyap, menggunakan kuasa elektrik lebih sedikit dan kurang menjana

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

haba. Ramai beranggapan SSD tidak mempunyai ketahanan lama dari segi berapa lama ia dapat digunakan. Memang diketahui, sel memori kilat mempunyai had tulis, tetapi SSD moden dilengkapi teknologi perataan haus yang boleh mengagihkan penulisan data secara merata. Untuk penggunaan biasa, SSD akan bertahan lebih lama daripada komputer itu sendiri. HDD pula, walaupun tiada had kitaran tulis, boleh mengalami kegagalan mekanikal mengejut akibat penggunaan lama.

Pilih peranti penyimpanan mengikut kesesuaian

Walaupun SSD dan HDD mempunyai perbezaan seperti yang dibincangkan sebelum ini dan dapat dilihat dari segi kelajuan, SSD mempunyai kelebihan ini. Akan tetapi, sebagai pengguna kita juga perlu melihat kepada kesesuaian dan keperluan. Untuk pengguna yang menggunakan komputer untuk kerja-kerja sekolah atau pejabat biasa mungkin mereka tidak perlu peranti penyimpanan lebih

laju dan kuat, dan HDD atau pemacu kilat USB ialah mencukupi.

Pengguna yang memerlukan SSD selalunya memerlukan komputer mereka dilengkapi SSD untuk kerja-kerja atau penggunaan komputer lebih berat dan oleh itu mereka perlu peranti yang boleh menambah kelajuan dan kelancaran apabila menggunakan komputer. Contoh penggunaan komputer yang memerlukan SSD ialah untuk permainan PC dan kerja-kerja kreatif seperti pembuatan dan penyuntingan video atau filem. Pengguna juga boleh menggunakan strategi hibrid jika memerlukan kedua-duanya. SSD pantas boleh digunakan untuk sistem pengendalian dan aplikasi utama, dan HDD penyimpanan pukal dan pengarkiban fail.

Ringkasnya, SSD menawarkan kelajuan, ketahanan, dan kecekapan tenaga – sesuai untuk pemacu utama. HDD menawarkan kapasiti besar pada kos rendah – sesuai untuk penyimpanan pukal. Pengguna perlu memahami keperluan sendiri dan memilih mengikut kemampuan dan kesesuaian.





Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Jabatan Penerangan, Ak. Jefferi Pg. Durahman

SETIAP negara pasti mengharapkan untuk mempunyai rakyat dan penduduk yang mampu menyumbang ke arah kemajuan, kejayaan, keamanan dan kemakmuran bagi membangun negara. Dalam hasrat dan cita-cita kita untuk membangun ummah, bangsa dan negara, kita bukan hanya bergantung kepada kemantapan ekonomi semata-mata bahkan bergantung juga kepada sumber tenaga manusia yang antaranya ialah golongan belia.

Belia adalah harapan negara. Inilah cogan kata yang sering didengar dan sudah sinonim dengan golongan belia yang merupakan kelompok dominan dan berpengaruh demi melahirkan sebuah negara dan bangsa yang berjaya. Belia juga adalah bakal pewaris bangsa, merekalah yang akan menandai segala tanggungjawab demi mengukuhkan pembangunan negara dan di bahu merekalah juga terletak cabaran bagaimana untuk kekal mencemerlangkan negara di mata dunia.

Generasi muda hari ini adalah cerminan wajah negara akan datang. Kepemimpinan belia adalah kepemimpinan negara pada masa depan. Citra negara pada masa akan datang, terpapar pada generasi belia hari ini. Mempersiapkan kepemimpinan belia bermakna mempersiapkan kepemimpinan negara. Belia merupakan tiang dan sandaran negara serta menjadi sumber tenaga manusia yang bernilai. Pada mereka diletakkan cita-cita serta harapan negara pada masa hadapan. Sebagai harapan negara, mereka memikul tanggungjawab yang amat besar dan kerana itulah juga kepemimpinan belia perlu bersifat transformatif. Ia perlu mampu mengubah dan

Bentuk belia dengan nilai kefahaman Islam

Oleh itu, mereka perlu dibentuk dan dipersiapkan dengan tarbiah, nilai-nilai dan kefahaman Islam sejak dari kecil lagi bagi menandai matlamat dan aspirasi negara yang dicintai. Untuk melahirkan belia Brunei yang cemerlang, ada beberapa ciri yang perlu dimiliki setiap belia, antaranya :

Pertama : Beriman iaitu patuh dan berpegang teguh kepada ajaran agamanya.

Kedua : Berilmu iaitu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menerajui negara pada masa hadapan. Bangsa yang menitikberatkan pendidikan adalah bangsa yang mempunyai masa depan.

Ketiga : Berbudaya iaitu dapat mempertahankan dan memelihara ciri-ciri kebruneian seperti berbudi bahasa, menghormati orang tua, bersopan santun dan lain-lain kerana budaya itu mencerminkan keperibadian dan identiti sesuatu bangsa.

Keempat : Berkeupayaan iaitu dapat berdaya tahan dan berdaya saing di era globalisasi yang semakin kompetitif dan membolehkan negara kita sebanding dengan negara-negara maju.

Kelima : Bernegara iaitu memiliki sifat nasionalisme di dalam diri mereka bagi memastikan mereka mencintai bangsa dan negara demi pembangunan negara.

Ejen perubahan sosial

Pada masa yang sama, belia juga berperanan sebagai ejen perubahan sosial. Mereka memainkan peranan penting dalam menyebarkan kesedaran mengenai isu-isu sosial seperti kemiskinan, diskriminasi, dan ketidakadilan. Dengan adanya golongan belia yang cakna terhadap

isu-isu ini, mereka dapat membantu masyarakat untuk membentuk satu komuniti yang lebih adil dan seimbang.

Belia juga boleh menjadi sukarelawan dalam pelbagai program kemasyarakatan, membantu golongan kurang bernasib baik, serta membimbing kanak-kanak dan remaja dalam mencapai potensi diri mereka. Belia juga perlu menjaga kesihatan fizikal dan mental mereka agar dapat menjadi tenaga kerja yang produktif serta mampu menghadapi cabaran-cabaran kehidupan. Jelas bahawa belia berperanan sebagai ejen perubahan sosial ke arah yang lebih baik.

Mempercepatkan transformasi digital negara

Dalam bidang teknologi pula, belia mempunyai peranan yang sangat besar dalam mempercepatkan transformasi digital negara. Golongan belia yang celik teknologi memainkan peranan utama dalam mencipta inovasi dan teknologi baharu yang boleh meningkatkan kecekapan dalam pelbagai sektor.

Contohnya, belia boleh mencipta aplikasi atau sistem yang membantu meningkatkan produktiviti sektor pertanian, perindustrian, dan perkhidmatan. Melalui inovasi teknologi terkini, negara dapat bergerak seiring dengan perkembangan teknologi global dan terus bersaing di peringkat antarabangsa. Jelas kepentingan golongan belia dalam memastikan pembangunan negara terus bergerak.

Dengan memiliki sifat atau ciri-ciri tersebut, maka akan dapat membantu melahirkan belia holistik yang cemerlang yang mempunyai rasa tanggungjawab demi bangsa dan negara. Dengan memiliki sifat-sifat ini juga para belia akan dapat berfikir dan menyedari akan peranan dan tanggungjawab mereka terhadap pembangunan negara dan juga sebagai penerus kesinambungan

pentadbiran dan kemajuan pembangunan negara.

Golongan belia perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang luas untuk menjadi pemimpin pelapis yang menerajui negara pada masa depan. Golongan belia juga perlu memiliki ciri-ciri kepimpinan, berintegriti dan berwawasan untuk memajukan diri, masyarakat dan negara.

Dalam usaha membangun belia di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan - kemudahan prasarana, infrastruktur serta bantuan fizikal dan bantuan fiskal. Generasi muda perlu bersedia dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin berkembang.

Penutup

Belia memainkan peranan yang sangat penting dalam pelbagai aspek pembangunan negara. Mereka adalah tenaga utama yang akan menerajui kepimpinan dan pembangunan negara pada masa akan datang. Oleh itu, belia perlu dibekalkan dengan ilmu, kemahiran dan nilai-nilai murni yang akan membantu mereka untuk menggalas tanggungjawab ini dengan baik. Pada masa yang sama, sokongan daripada pihak kerajaan dan masyarakat juga penting bagi memastikan belia dapat berkembang dengan baik serta memainkan peranan mereka dalam pembangunan negara. Sebagai generasi muda, belia perlu sedar bahawa masa depan negara berada di tangan mereka dan belia juga perlu bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh dedikasi.

SYARIKAT KENA KOMPAUN KERANA MELONGGOKKAN BARANGAN DI TEMPAT AWAM

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong



TUTONG, Rabu, 29 Julai. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat selepas didapati melakukan kesalahan meletakkan dan melonggokkan kotak, plastik, karung serta jubin di tempat awam, sekali gus melanggar Bab 12(1)(a), Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021.

Syarikat berkenaan, Hua Ho Department Store, didapati melakukan kesalahan tersebut di kawasan belakang Lot 13096, Kampung Petani, Pekan Tutong.

Berikutan kesalahan itu, syarikat berkenaan dikenakan tawaran



kompaun sebanyak BND2,000 di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggala 30) dan dikehendaki menjelaskan kompaun tersebut dalam tempoh tujuh hari dari tarikh ia dikeluarkan.

Jabatan Daerah Tutong menjelaskan, sekiranya kompaun

gagal dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, syarikat berkenaan boleh dihadapkan ke mahkamah. Jika sabit kesalahan, hukuman yang boleh dikenakan ialah denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua

UNIT Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat selepas didapati melakukan kesalahan meletakkan dan melonggokkan kotak, plastik, karung serta jubin di tempat awam, sekali gus melanggar Bab 12(1)(a), Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021 (kiri sekali dan kiri).

atau berikutnya, pesalah boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan itu, Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong mengingatkan orang ramai, syarikat pemaju serta pemilik premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis perniagaan dan tempat awam, dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan sebarang jenis sampah atau bahan buangan di kawasan awam.

Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara berpindah ke bangunan baharu mulai 1 Ogos

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Tanah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Julai. - Jabatan Tanah memaklumkan bahawa Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara serta Bahagian Registri dan Hak Milik Strata akan berpindah sepenuhnya ke bangunan baharu yang terletak di bekas bangunan TelBru, Simpang 55, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Kaunter-kaunter perkhidmatan di lokasi baharu berkenaan akan mula beroperasi pada Sabtu, 1 Ogos 2026. Sehubungan itu, semua urusan perkhidmatan

kaunter bagi kedua-dua bahagian tersebut hendaklah dibuat di bangunan baharu mulai tarikh berkenaan.

Bagi membolehkan proses pemindahan dilaksanakan dengan lancar, kaunter perkhidmatan dan pembayaran Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara serta Bahagian Registri dan Hak Milik Strata akan ditutup selama sehari pada Khamis, 30 Julai 2026.

Dengan pemindahan tersebut, orang ramai boleh mendapatkan pelbagai perkhidmatan di lokasi baharu, termasuk pembayaran

Cukai Tanah dan lain-lain transaksi tanah, permohonan pindah milik tanah, pendaftaran waris, permohonan geran tanah hilang, rosak atau hangus, permohonan kaveat tanah, permohonan tukar syarat khas tanah, gadaian, pembaharuan tempoh pajakan tanah, pajakan tanah persendirian, penyambungan tanah Lesen Tumpang Sementara, permohonan jalan laluan di atas tanah kerajaan serta permohonan menghalakan saluran ke tanah kerajaan.

Sementara itu, urusan yang melibatkan Pejabat Pesuruhjaya Tanah, Bahagian Pemerolehan dan Pelupusan Tanah, Bahagian Penilaian, Bahagian Perkhidmatan dan Perkembangan serta Bahagian Pematuan dan Perundangan masih beroperasi seperti biasa di Ibu Pejabat Jabatan Tanah.

Jabatan Tanah turut merakamkan penghargaan kepada orang ramai atas kesabaran dan kerjasama yang diberikan

sepanjang tempoh pemindahan tersebut.

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai waktu operasi kaunter, orang ramai boleh menghubungi Jabatan Tanah melalui WhatsApp menerusi talian +673 7507878 atau e-mel info.land@land.gov.bn. Maklumat lanjut juga boleh diperoleh melalui laman sesawang Jabatan Tanah di www.land.gov.bn atau akaun Instagram rasmi [@jabatant tanah.bn](https://www.instagram.com/jabatan_tanah).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Bersatu Memelihara Keamanan Negara'. Tarikh Tutup : 5 Ogos 2026
2. 'Ekopelancongan : Memelihara Alam, Menjana Ekonomi'. Tarikh Tutup : 12 Ogos 2026
3. 'Belia Berdaya Saing, Negara Gemilang'. Tarikh Tutup : 19 Ogos 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



3 ANGGOTA POLIS, 44 MILITAN TERBUNUH DALAM PERTEMPURAN, OPERASI DI REPUBLIK ISLAM PAKISTAN

ISLAMABAD, 30 Julai. - Sekurang-kurangnya tiga anggota polis dan 44 militan terbunuh dalam beberapa pertempuran serta operasi risikan di wilayah Khyber Pakhtunkhwa

dan Balochistan dalam tempoh 24 jam lepas, lapor Anadolu Ajansi.

Menteri Dalam Negeri Mohsin Naqvi berkata tiga anggota polis,

termasuk seorang timbalan penguasa polis (DSP) terbunuh selepas militan menyerang sebuah pusat pemeriksaan di daerah Hangu, Khyber Pakhtunkhwa lewat Rabu. Lapan militan maut ketika pasukan keselamatan bertindak mematahkan serangan berkenaan, sementara 18 anggota polis cedera.

Sementara itu, bahagian media tentera Republik Islam Pakistan, Perhubungan Awam Antara Perkhidmatan (ISPR)

memaklumkan bahawa 24 militan terbunuh dalam beberapa operasi di daerah Khyber berhampiran sempadan Afghanistan. Lapan lagi militan terbunuh dalam operasi berasingan di daerah Nushki, Balochistan.

Menurut ISPR, pasukan keselamatan turut merampas dan memusnahkan senjata, peluru serta alat letupan buatan sendiri dalam operasi berkenaan. Operasi pembersihan masih diteruskan bagi mengesan saki-baki militan di

kawasan terbabit.

Dalam perkembangan lain, polis memaklumkan empat suspek militan terbunuh dalam operasi yang masih berlangsung di daerah Swat, Khyber Pakhtunkhwa. Swat, antara destinasi pelancongan popular di Republik Islam Pakistan pernah menjadi kubu kuat kumpulan militan sebelum operasi ketenteraan besar-besaran pada 2009 membolehkan kerajaan menguasai semula lembah berkenaan. - ©BERNAMA

Kebakaran libat dua kapal di pelabuhan Damietta Mesir

KAHERAH, 30 Julai. - Dua kapal mengalami kebakaran di pelabuhan utara Republik Arab Mesir, Damietta, pada Rabu, termasuk sebuah terminal pengewapan semula gas asli cecair (LNG) terapung dan sebuah kapal penyimpanan, menurut Kementerian Petroleum Mesir seperti yang dilaporkan oleh Agensi Akhbar Jerman (DPA).

Kementerian itu memaklumkan pasukan tindak balas kecemasan dan pemadam kebakaran berjaya mengawal kebakaran mengikut prosedur yang ditetapkan.

Pihak kementerian menambah tiada kecederaan atau kematian dilaporkan.

Punca kebakaran belum diketahui setakat ini sementara pihak berkuasa berkaitan sedang meneliti insiden itu serta kesannya.

Terdahulu, penyedia perkhidmatan pelabuhan dan maritim, Inchcape Shipping Services, melaporkan kejadian letupan di terminal LNG semasa operasi pemunggahan kargo.

Syarikat itu menyatakan kapal yang terlibat telah dialihkan dengan selamat dari kawasan pelabuhan namun tidak memberikan butiran lanjut. - ©BERNAMA

7 maut dalam nahas helikopter di wilayah San Juan, Argentina

BUENOS AIRES, 30 Julai. - Tujuh orang maut selepas sebuah helikopter terhempas di wilayah San Juan, barat Argentina pada Rabu, lapor Xinhua. Helikopter jenis Bell 412 itu terputus hubungan dengan pusat kawalan kira-kira 10.26 pagi waktu tempatan.

Helikopter berkenaan yang disewa oleh Agensi Pengurusan Kecemasan Persekutuan Argentina, dijadualkan berlepas ke La Rioja untuk menjalankan operasi memadam kebakaran hutan selepas selesai menjalani latihan di San Juan. Bangkai helikopter itu kemudian ditemukan oleh sebuah lagi helikopter yang dikerahkan ke kawasan berkenaan.

Gabenor San Juan kemudiannya mengesahkan kesemua tujuh individu di dalam helikopter itu maut termasuk pengarah pertahanan awam wilayah berkenaan, ketua bomba dan timbalan ketua polis. Punca nahas masih dalam siasatan. - ©BERNAMA

Gempa magnitud 5.3, 5.0 landa Catanduanes, Quezon di Republik Filipina

MANILA, 30 Julai. - Dua gempa bumi masing-masing bermagnitud 5.3 dan 5.0 direkodkan di Catanduanes dan Quezon lewat Rabu, menurut Institut Vulkanologi dan Seismologi Filipina (Phivolcs), lapor Agensi Berita Filipina (PNA).

Gempa bermagnitud 5.3 itu berlaku pada 11.10 malam waktu tempatan, kira-kira 60 kilometer (km) di tenggara Baras pada kedalaman 23km. Sementara itu, gempa bermagnitud 5.0 melanda kawasan 90km di timur laut Jomalig, Quezon pada 10.11 malam.

Gempa tektonik itu berlaku pada kedalaman 17km. Gegaran turut dirasakan di bandar Mandaluyong dan Taguig. Phivolcs memaklumkan kedua-dua gempa itu tidak dijangka menyebabkan kerosakan, namun gempa susulan berkemungkinan berlaku. - ©BERNAMA

Populasi Jepun turun di bawah 120 juta buat pertama kali dalam tempoh 42 tahun

TOKYO, 29 Julai. - Populasi Jepun turun di bawah 120 juta buat pertama kali dalam tempoh 42 tahun kepada 119,736,483 orang pada awal tahun ini, menurut kerajaan pada Rabu, sekali gus menyerlahkan cabaran yang dihadapi negara itu dalam menangani kadar kelahiran yang semakin merosot.

Angka setakat 1 Januari 2026 itu menunjukkan penurunan sebanyak 917,000 orang berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya, sekali gus mencatatkan penyusutan terbesar sejak data seumpamanya mula direkodkan pada 1968, lapor Kyodo News yang memetik data Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Komunikasi.

Sementara itu, jumlah penduduk asing meningkat sebanyak 354,000 orang kepada rekod 4,031,159 orang. Kementerian itu mula mengumpulkan data berkaitan pada 2013. - ©BERNAMA

Angka korban gempa Kumamoto meningkat kepada 17, operasi mencari diteruskan

KUMAMOTO (Jepun), 30 Julai. - Angka kematian akibat gempa bumi bermagnitud 7.1 yang melanda Wilayah Kumamoto di barat daya Jepun meningkat kepada 17, ketika operasi mencari dan menyelamatkan diteruskan pada Khamis, lapor Kyodo News.

Daripada angka kematian itu, lima mangsa ditemukan di pusat beli-belah Aeon di Kashima yang dilanda letupan selepas gempa, manakala lapan lagi di kilang Nippon Paper Industries Co. di

Yatsushiro, tempat beberapa cerobong asap mengalami kerosakan teruk, menurut kerajaan wilayah berkenaan.

Sementara itu, Laluan Kyushu Shinkansen antara Stesen Kumamoto dan Kagoshima-Chuo masih belum beroperasi berikutan pengendali terus menilai kerosakan pada landasan dan kemudahan berkaitan. Bagaimanapun, perkhidmatan kereta api laju antara Stesen Chikugo-Funagoya di Wilayah Fukuoka dan Stesen Kumamoto

dijangka disambung semula pada Khamis.

Setakat malam Rabu, ribuan isi rumah masih terputus bekalan elektrik atau air, manakala lebih 10,000 orang masih berlindung di pusat pemindahan setakat pagi Khamis, menurut kerajaan Wilayah Kumamoto. Gempa susulan terus menggegarkan kawasan berkenaan selepas gempa utama pada Selasa mencatatkan tahap atas 7 pada skala intensiti seismik Jepun di Uki dan Hikawa pada 4.27 petang. - ©BERNAMA

Chile isytihar amaran kesihatan berhubung kadar kematian Hantavirus

SANTIAGO, 29 Julai. - Chile pada Selasa mengisytiharkan amaran kesihatan peringkat kebangsaan pertama bagi Hantavirus demi memperkukuh pemantauan susulan peningkatan kadar kematian akibat penyakit itu pada tahun ini, menurut kenyataan Kementerian Kesihatan Chile seperti yang dilaporkan oleh Xinhua.

Data rasmi menunjukkan 46 kes jangkitan dan 18 kematian direkodkan setakat minggu lepas bagi tahun ini, mewakili kadar kematian sebanyak 39 peratus iaitu peningkatan berbanding 18 peratus pada 2025.

Langkah berkenaan berkuat kuasa dari wilayah utara Atacama hingga ke wilayah selatan Magallanes dan akan kekal

berkuat kuasa sehingga 31 Julai 2027.

"Hantavirus menyebabkan penyakit yang bersifat endemik di Chile dan disebarkan oleh tikus berekor panjang, yang hidup di kawasan luar bandar serta separa luar bandar di sebahagian besar negara ini," menurut kenyataan itu.

Menurut kementerian, pihaknya sentiasa memantau haiwan terbabit serta penyakit yang dibawa.

Ia menambah amaran itu akan membolehkan mereka memperkukuh pengawasan, memastikan pengurusan sumber yang cekap dan tepat pada masanya, mengambil kakitangan khusus, melaksanakan langkah kawalan kesihatan, serta

mempercepat pembelian bekalan.

Pihak berkuasa kesihatan menggesa orang ramai supaya mengambil langkah berjaga-jaga tambahan, termasuk mengelakkan sentuhan dengan haiwan rodensia, memastikan pengudaraan yang baik di dalam rumah sebelum memasukinya jika rumah telah ditutup untuk tempoh tertentu, membersihkan ruang yang tidak digunakan menggunakan air dan klorin, memastikan tong sampah sentiasa bertutup, serta menyimpan makanan dengan cara yang selamat.

Bermula Disember 2025, Pertubuhan Kesihatan Pan-Amerika (PAHO) telah mengekalkan amaran epidemiologi berikutan peningkatan kes Hantavirus di seluruh wilayah Kon Selatan. - ©BERNAMA

Republik Hellenic Greece : Kebakaran hutan cetus pemindahan di Pulau Paros

ATHENS, 29 Julai. - Anggota bomba berusaha mengawal kebakaran hutan yang terus merebak di Pulau Paros, Republik Hellenic Greece, sehingga memaksa beberapa komuniti dipindahkan, lapor Agensi Akhbar Jerman (DPA).

Menurut laporan media, perkhidmatan kecemasan mengarahkan penduduk setempat menuju ke pantai berhampiran.

Setakat ini, tiada kecederaan atau kemusnahan kediaman dilaporkan.

Puluhan anggota bomba telah dikerahkan ke pulau dalam gugusan Cyclades itu sejak Selasa, manakala bantuan tambahan diminta dari pulau Naxos dan Syros serta tanah besar Republik Hellenic Greece.

Akhbar Proto Thema dan Kathimerini melaporkan Kampung Agkairia antara kawasan yang paling terancam.

Pesawat dan helikopter menghentikan operasi pada waktu malam sebelum menyambung semula operasi memadam kebakaran pada sebelah pagi.

Kebakaran itu terus marak akibat musim panas yang terik, manakala angin kencang menyukarkan usaha mengawal api dan dijangka bertambah kuat pada Rabu.

Susulan kebakaran besar pada tahun-tahun sebelumnya, Republik Hellenic Greece telah memperkukuh keupayaan dengan 85 pesawat pemadam kebakaran kendalian kerajaan serta 18,000 anggota tetap dan bermusim.

Lebih 100 pangkalan dron turut

ditempatkan di kawasan berisiko tinggi bagi mengesan kebakaran lebih awal, manakala empat satelit khusus dilancarkan untuk memantau kawasan yang sangat kering.

Risiko kebakaran hutan tahap tinggi kini dikuatkuasakan di beberapa bahagian negara itu.

Kathimerini melaporkan anggota bomba turut dikerahkan untuk menangani kebakaran di wilayah Evros di timur laut Republik Hellenic Greece pada Selasa.

Tahap amaran kedua tertinggi berkuat kuasa di Crete serta pulau Lesbos, Chios, Samos, Ikaria dan Psara, manakala amaran tahap tiga dikenakan di wilayah Athens dan timur laut Peloponnese. - ©BERNAMA

PASARAN BURUH REPUBLIK SINGAPURA TERUS BERKEMBANG, JUMLAH PEKERJAAN BERTAMBAH 10,700 PADA SUKU KEDUA



REPUBLIK SINGAPURA, 31 Julai. - Pasaran buruh Republik Singapura terus berkembang pada suku kedua 2026 dengan pertambahan 10,700 pekerja, berbanding 9,400 pada suku sebelumnya, sekali gus mencatat pertumbuhan bagi suku ke-19 berturut-turut, menurut data awal Kementerian Tenaga Manusia (MOM).
Kementerian itu berkata pekerjaan dalam kalangan penduduk terus meningkat, namun pada kadar lebih perlahan berbanding suku sebelumnya, terutama dalam sektor perkhidmatan penting dan awam.

"Selepas pertumbuhan pekerjaan bukan pemastautin yang lebih perlahan pada suku pertama 2026, pertumbuhan pekerjaan pada suku kedua didorong terutamanya oleh golongan bukan pemastautin, khususnya dalam sektor seperti pembinaan dan pembuatan," menurut MOM dalam kenyataan pada Jumaat.
Menurut kementerian itu, kadar pengangguran kekal rendah dan stabil pada Jun 2026, iaitu 2.0 peratus secara keseluruhan. Jumlah pekerja yang diberhentikan pula meningkat daripada 3,830 pada suku pertama kepada 4,500 pada suku kedua,

sekali gus menyebabkan kadar pemberhentian naik daripada 1.6 kepada 1.9 bagi setiap 1,000 pekerja.
MOM berkata peningkatan itu tertumpu dalam beberapa sektor berorientasikan pasaran luar dan didorong terutamanya oleh penyusunan semula perniagaan.
"Namun begitu, jumlah pemberhentian pekerja kekal jauh lebih rendah berbanding paras yang lazim dicatatkan ketika kemerosotan ekonomi," menurut kenyataan itu.
Mengenai prospek pasaran buruh, MOM berkata jangkaan yang semakin baik terhadap

pengambilan pekerja, upah dan pemberhentian pekerja menunjukkan permintaan tenaga kerja kekal berdaya tahan,

meskipun syarikat terus mengambil pendekatan berhati-hati berikutan ketidaktentuan ekonomi dan penyusunan semula perniagaan dalam beberapa sektor. - ©BERNAMA

UNICEF serah bekalan perubatan bagi perkukuh kesiapsiagaan Zambia hadapi Ebola

LUSAKA, 31 Julai. - Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) menyerahkan bekalan perubatan penting kepada Zambia pada Khamis bagi memperkukuh kesiapsiagaan dan tahap kesediaan negara itu dalam menghadapi virus Ebola serta penyakit demam berdarah lain, lapor Xinhua.
Bekalan yang diserahkan di Lusaka, ibu negara Zambia itu merangkumi peralatan perlindungan diri (PPE), bahan pencegahan dan kawalan jangkitan, serta pelbagai keperluan perubatan lain.
Pada majlis penyerahan itu, wakil UNICEF di Zambia Saja Abdullah berkata langkah kesiapsiagaan adalah penting walaupun Zambia belum merekodkan sebarang kes Ebola setakat ini.
"Hari ini bukan sekadar penyerahan bekalan, ia adalah pelaburan dalam kesiapsiagaan sebelum berlakunya kecemasan. Ia bertujuan melindungi petugas kesihatan, menjaga keselamatan komuniti dan memastikan kanak-kanak terus menerima perkhidmatan penting yang mereka perlukan," katanya.
Mengucapkan terima kasih kepada UNICEF atas sumbangan tersebut, Setiausaha Tetap bagi Perkhidmatan Teknikal di Kementerian Kesihatan Zambia, Kennedy Lishimpi, berkata ia akan memperkukuhkan kesiapsiagaan kesihatan awam negara itu dalam memberikan respons terhadap wabak.
Beliau berkata bekalan itu akan diagihkan ke wilayah, daerah, kemudahan kesihatan dan pintu masuk utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan, yang berpandukan penilaian risiko kebangsaan serta pelan kesiapsiagaan negara. - ©BERNAMA

51 maut, 10 masih hilang dalam runtuh gunung di Chongqing

CHONGQING, 31 Julai. - Angka kematian dalam kejadian runtuh gunung di Perbandaran Chongqing, barat daya China meningkat kepada 51 orang, manakala 10 mangsa masih belum ditemukan, lapor Xinhua.
Lebih 1,100 penduduk dipindahkan susulan kejadian itu, manakala tiga daripada 10 mangsa yang diselamatkan dibenarkan keluar dari hospital, menurut pasukan penyelamat. Bencana yang dicituskan hujan lebat itu berlaku pada 9.08 pagi, 17 Julai di Hanjia, Daerah Autonomi Pengshui Miao dan Tujia, berhampiran Sungai Wujiang.
Lebih 10 bangunan kediaman tertimbus dalam runtuhannya berkenaan. Operasi mencari dan menyelamatkan di darat telah selesai, namun pencarian di dalam sungai serta kerja pembersihan masih diteruskan. Usaha turut dijalankan untuk memulihkan laluan pengangkutan dan membolehkan kehidupan penduduk kembali seperti biasa. - ©BERNAMA

Qatar Airways terus gantung penerbangan ke Kuwait, Bahrain, Erbil

DOHA, 31 Julai. - Qatar Airways akan terus menggantung penerbangan penumpang ke Kuwait, Bahrain dan bandar Erbil di Iraq sehingga 7 Ogos, menurut nasihat perjalanan syarikat penerbangan nasional itu pada Khamis, lapor Xinhua.
Qatar Airways mula mengumumkan penggantungan berkenaan pada 24 Julai dengan penerbangan ke Bahrain dan Erbil dihentikan sehingga 25 Julai, manakala perkhidmatan ke Kuwait digantung sehingga 31 Julai. Pelanjutan itu dibuat ketika ketegangan serantau semakin meningkat.
Pada Rabu, Amerika Syarikat (AS) dan Arab Saudi melancarkan serangan udara terhadap kumpulan separa tentera Iraq, dalam operasi ketenteraan bersama yang jarang berlaku.
Tentera AS turut melancarkan serangan baharu terhadap Iran selepas operasi dihentikan selama beberapa hari. Pada Khamis, Iran berkata pihaknya melancarkan serangan balas terhadap kemudahan serta aset ketenteraan AS di Jordan, Kuwait dan Bahrain. - ©BERNAMA

Depot senjata era perang dunia kedua meletup ketika kebakaran hutan di Republik Perancis

PARIS, 31 Julai. - Sebuah depot simpanan senjata era Perang Dunia Kedua yang tidak diketahui kewujudannya meletup ketika kebakaran hutan besar melanda pesisir Atlantik Perancis, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).
"Di kawasan perbandaran kami, terdapat depot simpanan senjata yang tertanam di tanah persendirian tanpa pengetahuan kami dan simpanan itu meletup," kata Datuk Bandar Le Porge Martial Zaninetti kepada penyiar France Info pada Khamis.
Beliau berkata pada malam kedua kebakaran, ketika api setinggi lebih 10 meter menyambar kediaman, bunyi letupan yang amat kuat kedengaran dan disifatkannya seperti "bunyi peperangan".
Akhbar tempatan Ouest-France melaporkan bahawa simpanan itu dipercayai terdiri daripada amunisi

tentera Republik Persekutuan Jerman yang masih kerap ditemukan di kawasan berkenaan.
"Pada mulanya kami menyangka ia berpunca daripada silinder gas, tetapi letupannya terlalu kuat jika disebabkan oleh perkara itu.
"Bom tangan memang meletup. Ada yang meletup di atas tanah, manakala yang lain tercampak ke kiri dan kanan. Malah, satu daripadanya menembusi sebuah rumah. Terdapat sejumlah besar amunisi di situ," kata Zaninetti.
Beliau menganggarkan lebih 100 letupan kedengaran.
Pakar bahan letupan kemudian memeriksa lokasi kejadian dan merancang untuk kembali dalam beberapa hari lagi. Penduduk telah dipindahkan sebelum letupan berlaku.
Menurut Ouest-France, seorang pemilik rumah yang kembali ke

lokasi kejadian bagi memeriksa kediamannya menemukan lubang pada bidai tingkap.
Dia kemudian menemukan sebutir bom tangan yang belum meletup di lantai bilik tidur selepas objek itu menembusi bidai dan kaca tingkap.
Bom tangan berkenaan dipercayai tercampak akibat daya letupan sebelum mengenai rumah itu.
Tentera Republik Persekutuan Jerman pernah membina kubu, pusat kawalan dan depot simpanan senjata di kawasan bukit pasir serta hutan di sepanjang pesisir.
Apabila tentera Wehrmacht berundur pada 1944, banyak kemudahan itu terpaksa ditinggalkan, sebahagiannya secara tergesa-gesa, bersama amunisi dan peralatan ketenteraan lain. - ©BERNAMA

Sepanyol kerah segala sumber selepas ribuan cuba masuk Ceuta

GENEVA/LONDON, 31 Julai. - Perdana Menteri Sepanyol Pedro Sanchez pada Khamis berkata kerajaan mengerahkan segala sumber yang ada selepas ribuan warga Maghribi cuba memasuki wilayah Ceuta milik Sepanyol, lapor Anadolu Ajansi (AA).
"Kerajaan Sepanyol komited sepenuhnya untuk mengambil tindakan segera bagi menangani situasi di Ceuta," katanya menerusi hantaran di platform X.
Sanchez berkata Sepanyol mengerahkan "segala sumber yang diperlukan", selain bekerjasama dengan pihak berkuasa Maghribi dan antarabangsa serta menyediakan langkah bagi memulihkan keadaan seperti sediakala secepat mungkin.

Beliau berkata tindakan kerajaan itu turut dimaklumkan kepada Presiden Wilayah Ceuta, Juan Vivas. "Sekarang ialah masanya untuk mencari penyelesaian secara bertanggungjawab dan melalui kerjasama," kata beliau.
Kerajaan Sepanyol turut mengumumkan pengurangan angkatan tentera bagi membantu Pengawal Awam mengekalkan keselamatan di seluruh bandar itu. Sanchez dan Menteri Dalam Negeri Fernando Grande-Marlaska dijadual melawat Ceuta pada Jumaat bagi meninjau sendiri situasi di wilayah berkenaan.
Keputusan itu dibuat susulan permintaan pihak berkuasa tempatan Ceuta supaya kerajaan pusat di Madrid menyalurkan bantuan tambahan selepas krisis

sempadan yang semakin memuncak pada Khamis.
Agensi berita Sepanyol EFE melaporkan ribuan warga Maghribi berkumpul berhampiran sempadan yang memisahkan bandar Castillejos di Maghribi dengan Ceuta dalam cubaan yang dipercayai diselarasakan untuk memasuki wilayah Sepanyol itu.
Menurut EFE, ratusan orang memanjat pagar sempadan, manakala yang lain menuju ke benteng pemecah ombak dan berenang merentasi laut untuk sampai ke Ceuta. Pasukan keselamatan Maghribi membentuk kepungan di beberapa kawasan dan menahan beberapa individu, namun banyak kumpulan dilaporkan terus mara ke arah sempadan. - ©BERNAMA



ATLET NEGARA PAMERKAN SEMANGAT JUANG YANG TINGGI

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Glasgow 2026 Ke-23

GLASGOW, SCOTLAND, Rabu, 29 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) telah berkenan berangkat ke Tollcross International Swimming Centre bagi menyaksikan acara renang di temasya Sukan Komanwel Ke-23.

Pada acara tersebut, Hayley Wong dan Dayang Sharmeen binti Mohammad Marvin beraksi dalam acara Women's 50m Freestyle, manakala Joel Ling Thai Yu menyertai acara Men's 100m

Backstroke. Meskipun tidak mara ke peringkat seterusnya dan tidak berjaya memperbaiki rekod peribadi mereka, ketiga-tiga atlet mempamerkan semangat juang yang tinggi, disiplin serta komitmen yang cemerlang.

Selesai sahaja perlawanan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menyampaikan penghargaan atas komitmen, disiplin dan semangat juang yang dipamerkan sepanjang temasya ini dan berkeyakinan bahawa pengalaman yang diraih ini akan menjadi pemangkin untuk terus mempertingkatkan prestasi mereka.

Di samping itu, Duli Yang Teramat Mulia juga turut bersabda agar atlet terus berlatih dengan tekun dan berusaha mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dan terus mengekalkan iltizam, fokus dan komitmen yang tinggi dalam setiap sesi latihan sebagai persediaan kejohanan akan datang.

Dengan berakhirnya acara pada hari ini, tamatlah penyertaan ketiga-tiga atlet renang Negara Brunei Darussalam di Sukan Komanwel Ke-23. Walaupun tidak berjaya melangkah lebih jauh, mereka telah memberikan saingan yang membanggakan serta memperoleh pengalaman berharga kerana berpeluang bertanding dengan atlet-atlet elit antarabangsa.

Secara keseluruhannya, penyertaan atlet daripada sukan olahraga, renang dan angkat berat



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama ketiga-tiga atlet renang negara.

di Sukan Komanwel Ke-23 telah memberi pendedahan yang amat bernilai dalam meningkatkan keyakinan, kematangan dan kesiapsiagaan mereka sebagai

persediaan menghadapi kejohanan antarabangsa pada masa hadapan bagi mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam.

BFF 2026 himpunkan komuniti kecergasan dalam, luar negara

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Hernie Suliana Othman

JERUDONG, Jumaat, 31 Julai. - Brunei Fitness Festival (BFF) 2026 dan Cabaran The Huntr Challenge yang dianjurkan oleh Huntr Evnts Sendirian Berhad telah dirasmikan malam tadi, bertempat di Dewan BRIDEX 2, Jerudong, di sini.

Cabaran The Huntr Challenge menyaksikan penyertaan daripada atlet-atlet kecergasan fizikal luar negara seperti Amotti dari Republik Korea Selatan serta

Kiat Lee, Saiful Iskandar, Kyle See dan Saddam Pittli dari Malaysia.

Manakala Negara Brunei Darussalam pula diwakili oleh Alim Roslan, Nazri Mastani, Mayul dan Fathurrahman.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan BFF 2026 dan Cabaran The Huntr Challenge ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji

Jaafar.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan kemudiannya melawat gerai-gerai jualan yang disediakan sepanjang cabaran berlangsung. Majlis kemudiannya diakhiri dengan Persembahan Dron.

Dibukakan kepada kunjungan orang ramai, BFF 2026 diadakan sehingga Ahad, 2 Ogos 2026 dengan diisikan pelbagai aktiviti menarik antaranya 'Empowher Run 2026' dan 'SIMPLYSITI Fun Run'.

BFF 2026 yang disokong oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Kesihatan, dikuasakan oleh Imagine Sdn. Bhd. ini mengetengahkan aktiviti fizikal dan kecergasan untuk menerapkan gaya hidup yang aktif dan sihat.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Brunei Fitness Festival 2026 dan Cabaran The Huntr Challenge (atas kanan), manakala gambar kiri, antara yang menyertai cabaran berkenaan.



TAHUKAH AWDA

JABATAN Kehakiman Negara ditubuhkan pada 1 Mei 2002 dan mula berkuat kuasa mulai 18 Safar 1423 bersamaan 1 Mei 2002 dan ditempatkan di bawah Jabatan Perdana Menteri sebagai sebuah jabatan penuh dengan diketuai oleh seorang pengarah. Sementara peralihan pentadbiran kedua-dua Mahkamah-Mahkamah kepada jabatan ini berkuat kuasa mulai 20 Rabiulakhir 1423 bersamaan 1 Julai 2002. Jabatan Kehakiman Negara bertanggungjawab bagi hal ehwal pentadbiran serta pengurusan perkhidmatan sokongan, peruntukan dan hal ehwal kewangan kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.

SUMBER : www.jkn.gov.bn.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BELIA ADALAH GENERASI PELAPIS YANG MENJADI HARAPAN AGAMA, BANGSA, NEGARA